

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Keberkesanan Rawatan Nyanyian terhadap Kemahiran Membaca dan Menulis: Kajian Kes Kanak-kanak Berdisleksia

Chen Hui Meng

Master of Art

2021

Keberkesanan Rawatan Nyanyian terhadap Kemahiran Membaca dan Menulis: Kajian Kes Kanak-kanak Berdisleksia

Chen Hui Meng

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni

(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2021

PERAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian pengkajian dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

Eloise
……

Tandatangan

Nama: Chen Hui Meng

No.Matrik: 19020018

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh : 14.10.2021

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana memberi keberkatan kepada saya sepanjang perjalanan dalam melakukan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Drs. Yoesbar Djaelani kerana beliau sentiasa memberi sokongan, nasihat dan semangat kepada saya sepanjang perjalanan ini. Kebijaksanaan dan bimbingan beliau telah membuka minda saya untuk menjadi seorang pengkaji yang rasional dan terus menyempurnakan tesis ini.

Terima kasih kepada Dr Ong Puay Hoon, selaku pengerusi kepada Persatuan Disleksia Sarawak kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian saya di *Learning and Resource Centre of Dyslexia Association of Sarawak.* Tidak lupa juga penghargaan kepada staf dan barisan guru di pusat pembelajaran yang sedia memberi kerjasama, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang masa ini.

Jutaan terima kasih juga kepada kedua-dua ibu bapa dan abang saya yang selalu memberi sokongan dari segi mental, fizikal dan kewangan. Dengan adanya dorongan, nasihat dan doa mereka, saya dapat melaksanakan kajian ini dengan sempurnanya.

Akhir kata, ucapan ini ditunjukkan khas kepada kawan-kawan saya, Hellenda, Elisa, Rainee, Grace, Zaid, Ezra dan Adeline. Saya menghargai segala cadangan, dorongan dan semangat yang anda semua berikan kepada saya. Tanpa bantuan anda semua, tesis ini tidak akan berlangsung dengan sempurna. Di sini, saya harap tesis ini dapat membantu dan menjadi bahan rujukan kepada pembaca dan penyelidik yang akan datang.

ABSTRAK

Disleksia merupakan salah satu masalah pembelajaran, di mana individu berdisleksia mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca, menulis dan mengira. Individu berdisleksia juga menghadapi kesukaran dalam mempelajari dan mengenali bunyi bagi sesebuah huruf. Di Malaysia, terdapat pelbagai pendekatan untuk membantu seseorang individu berdisleksia dalam kemahiran tertentu. Antara pendekatan yang diaplikasikan adalah seperti terapi ucapan, pendekatan multisensori, latihan auditori dengan menggunakan komputer, program intervensi, dan program pemulihan. Kaedah multisensori dan kaedah multimedia lebih kerap digunakan dalam menjalani intervensi untuk individu berdisleksia di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan terapi muzik untuk membantu kanak-kanak berdisleksia. Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang berbentuk rawatan nyanyian. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menguji keberkesanan rawatan nyanyian terhadap membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia dengan rawatan nyanyian ini. Rawatan ini telah dijalankan di sebuah pusat pembelajaran yang bernama *Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak*. Sehubungan itu, kaedah gabungan telah digunakan untuk mengumpul data. *One-group pretest-posttest design* juga telah diaplikasikan dalam rawatan nyanyian ini. Empat orang kanak-kanak berdisleksia telah dipilih untuk menerima rawatan ini. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan. Kanak-kanak A dan B dalam kumpulan tidak mempunyai asas fonik dan Kanak-kanak C dan D pula dalam kumpulan mempunyai asas fonik. Hasil rawatan nyanyi ini sangat berkesan terhadap kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik kerana nilai t yang didapati adalah 1.40, di mana ia di bawah nilai dari had kepentingan, 2.78. Rawatan nyanyi ini kurang berkesan terhadap

kumpulan yang mempunyai asas fonik kerana nilai t yang diperolehi adalah 6.05, di mana ia melebihi nilai t dari had kepentingan.

Kata kunci: Disleksia, terapi muzik, rawatan nyayian

Effectiveness of Singing Treatment on Reading and Writing Skills: Case Study of Dyslexic Children

ABSTRACT

Dyslexia is a learning disorder. A dyslexic has difficulties in spelling, reading, writing, and counting skills. They also encounter problems in recognizing the sound of letters. In Malaysia, there are several approaches used to help dyslexics with certain skills – these are multisensory as well as auditory exercises using a computer, intervention programs, and rehabilitation programs. Multisensory and multimedia methods were more often used in conducting intervention programs for dyslexics in Malaysia. It is therefore the aim of this study to apply music therapy to help children with dyslexia using experimental research in the form of singing treatment. The purpose of this research was to test the effectiveness of singing treatment in improving the reading and writing skills of dyslexic children. Apart from that, this research also aimed to improve the reading and writing skills of dyslexic children through singing treatment. This research was conducted at the Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak. There are 20 sessions for this treatment. 2 sessions were carried out each week. 1 session was held for 30 minutes. Twinkle, Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down and Bapaku Pulang dari Kota were selected as treatment songs. Mixed method and One-Group Pretest-Posttest designs were applied to collected data. Four dyslexic children were selected to receive this treatment. They were named Subjects A, B, C, and D. Furthermore, they were divided into two groups:- Subjects A and B have a basic phonics ability and so were grouped together, whereas; Subject C and D were grouped together as they do not have a basic phonics ability. The result shows that this treatment was effective in improving the reading and writing skills of Subject C and D. The t-value for this group is 1.40, which is below the significance level that

is, 2.78. Besides that, this treatment was less effective in improving the reading and writing skills of Subject A and B. The t-value for this group is 6.05, exceeding the significance level, 2.78.

Keywords: *Dyslexia, therapy music, singing treatment*

ISI KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN		i
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		v
ISI KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		x
SENARAI GAMBAR RAJAH		xii
BAB 1: PENGENALAN		1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyata Masalah	3
1.3	Skop Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Hipotesis Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Kerangka Kajian	8
1.8	Kesimpulan	8
BAB 2: KAJIAN LITERATUR		10
2.1	Pengenalan	10

2.2 Terapi Muzik 11

2.3 Muzik, Emosi dan Memori 12

2.4 Muzik dan Pemprosesan 14

2.5 Membaca dan Menulis dalm kalangan Individu Berdisleksia 16

2.6 Cara-cara untuk Mempertingkatkan Kemahiran Membaca dan Menulis dalam kalangan Individu Berdisleksia 18

BAB 3: BAHAN DAN METODOLOGI 20

3.1 Pengenalan 20

3.2 Pensampelan 21

3.3 Reka Bnetuk Kajian 25

3.4 Instrumen Kajian 26

3.4.1 Pengumpulan Data 26

3.4.2 Penganalisisan Data 34

3.5 Proses Sesi Rawatan 35

3.6 Penutup 36

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN 38

4.1 Pengenalan 38

4.2 Dapatan Kajian Kaedah Kuantitatif 39

4.2.1 Borang Soal Selidik 39

4.3 Dapatan Kajian Kaedah Kualitatif 71

4.3.1 Temu Bual 71

4.3.2 Pemerhatian Melalui Penglibatan 77

4.4 Perbincangan 115

4.5 Kesimpulan 119

BAB 5: KESIMPULAN 121

5.1 Ringkasan 121

5.2 Cabaran dan Manfaat Kajian 122

5.3 Rumusan 124

5.4 Saranan 124

RUJUKAN 126

LAMPIRAN 137

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1	Enam set pembelajaran untuk Bahasa Melayu	21
Jadual 3.2	Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang mempunyai asas fonik	22
Jadual 3.3	Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang tidak mempunyai asas fonik	23
Jadual 3.4	Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang tidak mempunyai asas fonik	27
Jadual 4.1	Pemarkahan *pre-test* untuk membaca (Kanak-kanak A, B, C dan D)	40
Jadual 4.2	Skala pemarkahan membaca *post-test* bagi setiap sesi	41
Jadual 4.3	Skala pemarkahan menulis *post-test* bagi setiap sesi	43
Jadual 4.4	Markah purata bagi Kanak-kanak A (sesi 2 hingga sesi 19)	44
Jadual 4.5	Markah purata bagi Kanak-kanak B (sesi 2 hingga sesi 15)	47
Jadual 4.6	Markah purata bagi Kanak-kanak C (sesi 2 hingga sesi 19)	50
Jadual 4.7	Markah purata bagi kanak-kanak D (sesi 2 hingga sesi 19)	54
Jadual 4.8	*Post-test* keseluruhan bagi Kank-kanak A, C, dan D	60
Jadual 4.9	Jadual nombor penjelasan untuk bahagian membaca dan menulis	61
Jadual 4.10	Jumlah markah purata membaca bagi Kanak-kanak A dan B	62
Jadual 4.11	Jumlah markah purata menulis bagi Kanak-kanak A dan B	64

Jadual 4.12 Jumlah markah purata membaca bagi Kanak-kanak C dan D 65

Jadual 4.13 Jumlah markah purata menulis bagi Kanak-kanak C dan D 66

Jadual 4.14 Jumlah markah purata membaca dan menulis untuk kedua-dua kumpulan 67

SENARAI GAMBAR RAJAH

		Muka Surat
Gambar Rajah 1.1	Lingkaran deria	4
Gambar Rajah 1.2	Laluan dari mata ke tangan dan mulut	5
Gambar Rajah 1.3	Laluan dari telinga ke tangan dan mulut	6
Gambar Rajah 3.1	Huruf vokal untuk lagu *twinkle twinkle little star*	24
Gambar Rajah 3.2	Perkataan "kuda" untuk lagu *london bridge is falling down*	24
Gambar Rajah 3.3	Perkataan "buaya" untuk bapaku pulang dari kota	24
Gambar Rajah 3.4	Sistem notasi untuk *one-group pretest-posttest design*	25
Gambar Rajah 3.5	Borang *pre-test* untuk sesi pertama	29
Gambar Rajah 3.6	Borang *post-test* untuk sesi pertama	30
Gambar Rajah 3.7	Borang *post-test* untuk sesi keempat	31
Gambar Rajah 3.8	Borang *post-test* untuk sesi kelima	32
Gambar Rajah 3.9	Kertas untuk menulis huruf	33
Gambar Rajah 3.10	Kertas untuk menulis suku kata dan perkataan	33
Gambar Rajah 3.11	Proses sesi rawatan	36
Gambar Rajah 4.1	Tulisan perkataan yang tepat dan kemas	44

Gambar Rajah 4.2 Tulisan huruf yang tidak ditulis di atas garisan yang disediakan 44

Gambar Rajah 4.3 Tulisan bentuk huruf yang tidak sama 44

Gambar Rajah 4.4 Hasil menulis salah perkataan 44

Gambar Rajah 4.5 Penulisan Kanak-kanak A pada sesi 17 dan 5 75

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut *Oxford*, terapi bermaksud rawatan untuk masalah fizikal atau penyakit. Fisioterapi dan psikoterapi merupakan antara jenis terapi yang dapat membantu seseorang yang menghadapi masalah fizikal dan mental. Fisioterapi merupakan rawatan untuk memulihkan pergerakan seseorang yang mengalami kecederaan, atau kecacatan. Rawatan ini juga membantu pesakit dalam menguruskan kesakitan dan mencegah penyakit.

Psikoterapi merupakan rawatan untuk kesihatan mental dengan menggunakan cara psikologi. Psikoterapi bertujuan untuk menolong, merawat, menasihati, membimbing, mendidik dan mempengaruhi seseorang (Wolberg, 1988). Terapi ini berkesan dalam merawat pelbagai jenis masalah mental dan tingkah laku seseorang seperti kemurungan, kebimbangan, kecelaruan makan, tekanan atau trauma. Terdapat beberapa pendekatan psikoterapi yang kerap digunakan, antaranya adalah *cognitive behavioral therapy*, *interpersonal therapy*, *psychodynamic therapy*, dan *psychoanalysis.*

Terapi seni ekspresif menggabungkan psikologi dan pelbagai seni untuk penyembuhan dan perkembangan emosi (Shruti, 2018). Roger (n.d.) mengulaskan bahawa terapi seni ekspresif bersifat metafor (Roger, n.d.). Terapi ini menggunakan seni untuk mengenalpasti, menganalisis dan merawat orang (Roger, n.d.). *International Expressive Arts Therapy Association* (n.d.) menjelaskan seni ekspresif merangkumi seni visual, pergerakan, drama, muzik, penulisan dan proses kreatif lain.

Terapi seni menggunakan pelbagai kaedah seni seperti melukis, seni arca, dan kolaj untuk meluahkan perasaan diri secara kreatif (Cherry, 2020). Terapi tarian adalah penggunaan pergerakan tarian untuk meneroka emosi tanpa membicarakan masalah seseorang (Karkou, 2017). Terapi drama merupakan penggunaan drama secara sistematik, proses teater, produk dan persatuan untuk mengatasi masalah emosi dan fizikal (Smith, 2021). Puisi, cerita, lirik lagu dan citra digunakan dalam terapi menulis untuk pertumbuhan dan penyembahan diri (*National Association for Poerty Therapy, n.d.)*. Terapi muzik pula menggunakan muzik untuk meningkatkan psikologi, fizikal, kognitif atau sosial seseorang yang menghadapi masalah kesihatan atau pendidikan (Malchiodi, 2005).

Dalam konteks terapi muzik, terdapat dua jenis terapi iaitu terapi aktif dan terapi pasif (Hussain et al., 2013). Terapi aktif melibatkan seseorang individu untuk bermain alat muzik, manakala terapi pasif pula memerlukan individu tersebut untuk mendengar muzik. Kajian ini merupakan terapi aktif, di mana kanak-kanak berdisleksia menyanyikan lagu

Di Kuching, sebanyak enam peratus kanak-kanak yang berisiko disleksia (Agnes Tugong, 2019). Disleksia merupakan ketidakupayaan pembelajaran. Menurut "Persatuan Disleksia Malaysia" (n.d.), disleksia merupakan sejenis kecacatan, di mana sebahagian otak gagal untuk mentafsir sebuah imej bertulis kepada pemikiran yang bermakna. Walau bagaimanapun, kecerdasan mereka tidak terjejas dan mungkin berada pada tahap unggul. Secara umumnya, individu berdisleksia mempunyai kelemahan dalam membaca, menulis dan mengira. Terdapat pelbagai pendekatan untuk membantu individu berdisleksia dalam meningkatkan kemahiran kognitif, dan juga kemahiran membaca serta menulis. Di luar negara, pendekatan seperti multisensori, intervensi terhadap pendidikan fonologi, tugasan untuk *visuospatial working memory*, intervensi kognitif, dan latihan kemahiran kognitif


dilakukan untuk membantu individu berdisleksia (Yuzaidey et al., 2018). Di Malaysia pula, kaedah multisensori dan kaedah multimedia kerap digunakan dalam menjalani intervensi untuk individu berdisleksia (Yuzaidey et al., 2018).

Kanak-kanak berdisleksia akan menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran ini sering dikaitkan dengan kegagalan mereka dalam pembelajaran. Hal ini akan mempengaruhi harga diri mereka. Secara tidak langsung pengaruh ini akan menjadi sumber kekecewaan yang berterusan dalam pembelajaran mereka. Sehubungan itu, menyanyi dapat meningkatkan harga diri seseorang. Menyanyi merupakan aktiviti yang menyeronokkan untuk kanak-kanak kerana aktiviti ini mempunyai unsur keseronokan dan pembelajaran (Barker, n.d.). Gomes (2017) menjelaskan bahawa muzik dapat menguatkan bahagian otak khususnya bahagian pendengaran, visual dan koteks motorik.

1.2 Penyata Masalah


Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji telah mengenali seorang kanak-kanak berdisleksia. Kanak-kanak tersebut tidak dapat membaca, mengira dan tulisannya kurang kemas. Walaubagaimana pun, kanak-kanak ini kelihatan ceria serta suka menari dan menyanyi. Dalam konteks ini, Barker (n.d.) telah mengemukakan bahawa menyanyi dapat meningkatkan kesedaran fonologi. Dengan menggunakan lagu, seseorang tersebut dapat menyanyikan suku kata bersama-sama dengan muzik (Barker, n.d.). *Rhythm* dan *melody* merupakan dua elemen penting dalam muzik. Adalah penting untuk memahami bagaimana *rhythm* dan *melody* memainkan peranan dalam membantu individu berdisleksia, dan bagaimana menyanyi dapat mempengaruhi individu berdisleksia dalam meningkatkan kemahiran membaca. Oleh itu, pengkaji menggabungkan muzik, khususnya menyanyi dengan pembelajaran untuk membantu kanak-kanak berdisleksia.

Kanak-kanak berdisleksia lemah dalam membaca, menulis dan mengeja (Zulikha et al., 2017). Membaca dan menulis merupakan kemahiran berbahasa. Abdul Rashid (2017) menjelaskan bahawa kemahiran membaca memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dan penulis. Kemahiran menulis pula merupakan sebuah proses penyaluran maklumat (Abdul Rashid, 2011). Fokus kajian ini adalah kemahiran menulis dan membaca. Oleh itu, pemahaman terhadap lokasi memori, laluan dari mata ke tangan dan mulut serta laluan dari telinga ke tangan dan mulut penting untuk diketahui. Seperti yang dinyatakan oleh Tomaino (2015), pakar terapi muzik perlu membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang persepsi muzik dan memahami fungsi otak supaya dapat memanfaatkan sepenuhnya interaksi terapeutik.




Gambar Rajah 1.1: Lingkaran deria (Neath & Surprenant, 2003)

Gambar Rajah 1.1 merujuk kepada lingkaran deria. Deria seperti penglihatan dan pendengaran akan memasuki korteks serebrum (*cerebral cortex)* dan seterusnya ke sistem limbik (*limbic system)*. Korteks serebrum (c*erebral cortex)* merupakan lapisan otak yang paling luar dan sistem limbik merangkumi *hippocampus* dan *amygdala*. Menurut Tomaino (2015), sistem limbik memainkan peranan dalam memproses emosi serta membentuk memori.



Gambar Rajah 1.2: Laluan dari mata ke tangan dan mulut (Beaton, 2004)

Gambar Rajah 1.2 merupakan laluan dari mata ke tangan dan mulut. Informasi akan masuk ke mata dan ke *lateral geniculate nucleus* melalui *optic nerve(II)* dengan menggunakan *optic tract.* Selepas itu, imej akan memasuki *primary visual cortex* dan seterusnya ke *hippocampus.* Di sini, kedua-dua *neurotransmitter* iaitu *dopamine* dan *serotanine* dirangsangkan dan menghantar isyarat ke *primary motor cortex*. Selepas *motor neuron* dirangsangkan, *neuron* akan menghantar isyarat melalui *motor fibre* ke *brain stem.* Isyarat akan hantar ke *cervical nerve* kemudian ke *brachial plexus. Median nerve, ulnar nerve* dan *radial nerve* merupakan tiga saraf penting dalam mengawal deria dan pergerakan jari dan pergelangan tangan. *Vagus nerve (X)* pula akan membawa isyarat ke mulut untuk pengucapan.



Gambar Rajah 1.3: Laluan dari telinga ke tangan dan mulut (Barr & Kiernan, 1993)

Gambar Rajah 1.3 merupakan laluan dari ke tangan dan mulut. Suara akan masuk ke telinga melalui *cochlear nerve* ke *primary auditory cortex*. Selepas itu, suara akan memasuki *Wernicke's area* untuk menginterpretasikan makna. Isyarat akan masuk *Broca's area* untuk memproses bahasa dan setersunya akan hantar ke *primary motor cortex.* Selepas *motor neuron* dirangsangkan, *neuron* akan menghantar hantar isyarat melalui *motor fibre* ke *brain stem. Cervical nerve* dirangsangkan oleh *neuron* dan menghantar isyarat ke *brachial plexus* dan *vagus nerve (X)* untuk menulis dan berucap.

1.3 Skop Kajian

Rawatan nyanyian dilaksanakan terhadap kanak-kanak berdisleksia yang terlibat dalam kajian ini. Kanak-kanak berdisleksia yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar dari sebuah pusat pembelajaran yang bernama *Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak.* Kajian ini memfokuskan pada rawatan nyanyian yang bakal diterima oleh kanak-kanak berdisleksia. Kajian ini tidak merangkumi jenis disleksia kerana tiada doktor yang terlibat dalam mendiagnosis kanak-kanak berdisleksia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian untuk penyelidikan ini adalah seperti berikut:

i. Menguji keberkesanan rawatan nyanyian terhadap kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia.
ii. Meningkatkan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia dengan rawatan nyanyian.

1.5 Hipotesis Kajian

i. H_0 : Tiada pengaruh rawatan nyanyian terhadap kanak-kanak berdisleksia.
ii. H_1 : Ada pengaruh rawatan nyanyian terhadap kanak-kanak berdisleksia dengan had kepentingan 95%.


1.6 Kepentingan Kajian

Disleksia bukanlah sejenis penyakit atau penyakit jangkitan, tetapi ia merupakan ketidakupayaan dalam pembelajaran. Kanak-kanak berdisleksia juga merupakan insan penting dalam membangunkan masyarakat dan negara kita. Oleh itu, kajian ini penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, ibu bapa, dan guru tentang disleksia. Kajian ini merupakan rawatan alternatif untuk membantu kanak-kanak berdisleksia khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Dengan adanya rawatan ini, kanak-kanak berdisleksia dapat meningkatkan kemahiran membaca dan menulis serta keyakinan diri.

Sumbangan seterusnya adalah terhadap pendidikan khas. Terapi muzik merupakan salah satu cara untuk merawat disleksia. Kanak-kanak berdisleksia memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza. Dalam konteks ini, dengan adanya terapi muzik dalam pendidikan khas, maka lebih banyak strategi yang dapat dirancangkan untuk membantu dan merawat

kegiatan ketidakupayaan dalam pembelajaran, khususnya disleksia. Kesihatan mental fizikal merupakan aset yang tidak ternilai bagi seseorang individu. Justeru itu, jika terapi muzik dapat membantu dan merawat kanak-kanak disleksia, maka mereka dapat menempuhi kekangan dalam kehidupan mereka.

1.7 Kerangka Kajian



1.8 Kesimpulan

Individu berdisleksia mempunyai kelemahan dalam membaca dan menulis. Kelemahan ini menyebabkan mereka menghadapi cabaran dalam pembelajaran.

Kebanyakan program intervensi di Malaysia mengaplikasikan kaedah multimedia dan multisensori untuk membantu individu berdisleksia. Dalam konteks terapi muzik, terapi ini bukan sahaja dapat membantu kesihatan mental seseorang, tetapi juga dapat membantu individu dengan gangguan autisme, demensia dan lain-lain. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan rawatan nyanyian dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Muzik sering dikaitkan sebagai amalan yang membawa kepada kesihatan jasmani, rohani, dan keseluruhannya (Davis & Hadley, 2015). Kesihatan didefinisikan sebagai satu kondisi di mana seseorang tersebut tiada penyakit atau tiada kondisi yang tidak normal (Anderson et al., 2002 dipetik dalam Jones et al., 2004). Dalam konteks ini, terapi muzik dapat membantu meluahkan perasaan, membantu pemulihan fizikal, memberi pengaruh yang positif, dan meningkatkan daya ingatan seseorang (Djohan, 2006). Bukan itu sahaja, Sharol (2008) juga mengemukakan bahawa terapi muzik merupakan alternatif rawatan moden dan bidang professional yang menggunakan muzik untuk tujuan pemulihan, pemeliharaan, dan peningkatan taraf mental dan fizikal (dipetik dalam Hussain et al., 2013).

Perkataan *dyslexia* berasal dari Bahasa Yunani, di mana *dys* bermaksud melemahkan dan *lexia* bermaksud perkataan (Riddick et al., 2002). Disleksia merupakan salah satu masalah pembelajaran, di mana individu berdisleksia mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca, menulis, dan mengira (Zulikha et al., 2017). Jabatan Pendidikan Khas (dipetik dalam Zulikha et al., 2017) telah menjelaskan tiga jenis disleksia, antaranya adalah disleksia visual, disleksia auditori, dan disleksia visual serta auditori. Disleksia visual lemah dalam mengingati dan mengenali bentuk huruf serta perkataan; disleksia auditori lemah dalam mengingati bunyi huruf, menganalisis bunyi sebuah suku kata dalam perkataan dan lemah dalam mengatur suku kata untuk mengeja

perkataan; disleksia visual dan auditori pula akan mengalami masalah yang berat kerana jenis disleksia ini adalah berterusan (Zulikha et al., 2017).

2.2 Terapi Muzik

Terapi muzik mempunyai dua kaedah iaitu kaedah aktif dan kaedah pasif (Wheeler, 2015). Kaedah aktif melibatkan seseorang untuk bermain dengan muzik, manakala kaedah pasif melibatkan seseorang untuk mendengar muzik (Wheeler, 2015). Brucia (1998) mengemukakan empat cara yang digunakan semasa terapi muzik dijalankan, antaranya adalah mengimprovisasi, membuat persembahan atau mencipta semula sebuah muzik, menggubah sebuah lagu, dan mendengar kepada muzik (dipetik dalam Wheeler, 2015). Terapi muzik bersifat serba guna dan sesuai untuk semua peringkat umur (Wong, 2021). Menurut *American Music Therapy Association* (n.d.), muzik terapi bermanfaat untuk individu yang mempunyai Gangguan Spectrum Autisme (ASD), masalah kesihatan mental, penyakit Alzheimer, untuk menyokong pendidikan khas, untuk pengurusan kesakitan kronik, dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan pendidikan khas, kanak-kanak atau remaja yang mengalami kecacatan atau kesukaran dalam belajar memerlukan pendidikan khas untuk pembelajaran mereka (Ng, 2018). Golongan yang memerlukan pendidikan khas adalah seperti golongan disleksia, *dyscalculia*, *dysgraphia*, *dyspraxia*, gangguan hiperaktifan defisit perhatian (ADHD), dan sebagainya (*Education Destination Malaysia*, n.d.). Menurut Bayard (2020), disleksia adalah gangguan pembelajaran yang dicirikan sebagai kesukaran dalam membaca, *dyscalculia* adalah masalah dengan nombor dan matematik, *dysgraphia* adalah ketidakupayaan belajar yang mempengaruhi kemampuan untuk menulis, *dyspraxia* menyebabkan seseorang individu mengalami koordinasi yang lemah dan ADHD adalah ketidakupayaan untuk fokus dan menguruskan pergerakan.

Muzik terapi berkait rapat dengan pendidikan khas kerana muzik dapat digunakan sebagai pendidikan untuk membantu meningkatkan kemahiran dan pembelajaran seseorang (*American Music Therapy Association,* n.d.). Sebagai contohnya, terapi muzik neurologi merupakan sebuah terapi yang menggunakan muzik untuk membantu seseorang dalam memulihkan kognitif, sensori motor serta pertuturan, dan bahasa (Hurt-Thaut & Johnson, 2015). *Therapeutic singing* dan *musical mnemonics training* merupakan latihan yang membantu dalam mengembangkan dan memulihkan pertuturan serta bahasa seseorang (Hurt-Thaut & Johnson, 2015). *Therapeutic singing* adalah penggunaan aktiviti nyanyian untuk memudahkan dan mengembangkan kemahiran pertuturan dan bahasa, manakala *musical mnemonics training* adalah penggunaan latihan muzik untuk daya ingatan (Hurt-Thaut & Johnson, 2015). Selain itu, Wheeler (2015) juga mengemukakan bahawa irama dapat membantu seseorang dalam mengatur pergerakan. Tomaino (2015) pula mengatakan bahawa kanak-kanak yang tidak memahami peraturan struktur Bahasa boleh belajar prosodi linguistik dengan menggunakan kata-kata dalam sebuah melodi.

2.3 Muzik, Emosi dan Memori

Menurut model memori Atikinson & Shiffrin (1968), terdapat tiga struktur utama dalam model tersebut, antaranya adalah *sensory memory, short-term memory (STM),* dan *long-term memory (LTM)*. *Sensory memory* merupakan peringkat pertama dalam model memori dan pada tahap ini, maklumat akan disimpan selama beberapa saat (Goldstein, 2011). *STM* pula merupakan peringkat kedua dalam model memori, dan memori ini dianggap sebagai *working memory* (Atikinson & Shiffrin, 1968). *STM* adalah mekanisme memori yang menyimpan jumlah maklumat yang terhad dalam masa yang singkat (Goldstein, 2011). Pada peingkat ini, proses *rehearsal* akan berlaku untuk mengulangi sebuah maklumat supaya memori terhadap maklumat tersebut menjadi kuat sebelum ia

dipindahkan ke *LTM* (McLeod, 2021). *LTM* adalah mekanisme memori yang dapat menyimpan jumlah maklumat yang banyak untuk jangka masa yang panjang (Goldstein, 2011).

Individu berdisleksia mempunyai *working memory* yang lemah (Grant, 2005). Kelemahan *working memory* dalam kalangan individu berdisleksia akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam mengingati dan mengulangi maklumat dengan cepat (Alloway, 2006). *Working memory* yang lemah dan kapasiti daya ingatan yang terhad akan menyebabkan individu berdisleksia menghadapi masalah dalam mengingati lebih daripada dua perkara pada masa yang sama (Jamaludin et al., 2017).

Individu yang mendengar muzik akan merasa emosi pada dirinya (Mueller, 1964). Muzik mempunyai daya untuk merangsangkan emosi yang kuat dalam diri kita (Ahtisaai & Karanam, 2015). Memori akan menjadi kuat apabila seseorang mengalami cas emosi terhadap sebuah muzik (Tomaino, 2015). Menurut *American Psychological Association* (n.d.), cas emosi bermaksud emosi yang kuat. Emosi dikaitkan dengan setiap tingkah laku manusia, iaitu tindakan, persepsi, ingatan, pembelajaran dan membuat keputusan (Sloboda & Juslin, 2001). Tindak balas emosi berlaku pada sistem limbik (Villines, 2019). Tomaino (2015) mengulaskan bahawa, apabila muzik yang kita dengarkan dianggap sebagai emosi, maka berlakunya tindak balas pada bahagian sistem limbik. Bergantung pada jenis emosi yang sedang diproses, pelbagai rangkaian dalam otak akan terlibat untuk memproseskan emosi tersebut dan seterusnya mengaitkannya dengan memori (Tomaino, 2015).

Emosi memainkan peranan dalam pembelajaran dan memori yang melibatkan pelbagai sistem otak dalam pemprosesan maklumat (LaBar & Cabeza, 2006). Pengaktifan amigdala semasa emosi dirangsangkan akan mempengaruhi pengekodan dan pengukuhan

memori terhadap suatu peristiwa (Buchanan, 2007). Beentjes & Reumers (2019) mengulaskan bahawa apabila bunyi ditafsirkan dalam otak, ia akan mencetus emosi seseorang di mana emosi ini akan mempengaruhi tingkah laku serta memori seseorang dan seterusnya mengubah emosi menjadi perasaan. Lantaran itu, muzik bakal memberi penanda untuk memori kerana muzik dapat merangsangkan rangkaian saraf dalam otak dan bertindak balas dalam kadar yang laju serta cekap (Tomaino, 2015).

2.4 Muzik dan Pemprosesan

Pemprosesan merujuk kepada masa yang diperlukan oleh seseorang untuk memahami, memberi reaksi, dan menyelesaikan tugas berdasarkan maklumat yang diterima sama ada maklumat tersebut berbentuk visual, auditori atau kinetic (*Dystech*, n.d.). Individu berdisleksia mempunyai masalah khusus dalam memproses maklumat (*Queensland Brain Institute*, n.d). Mereka mempunyai pemprosesan yang lambat (Grant, 2005) kerana mereka tidak mempunyai kesedaran fonologi (*Dystech*, n.d.). Kesedaran fonologi merupakan keupayaan untuk mengenali dan memanipulasikan sebuah perkataan atau ayat yang diucapkan (*Reading Rocket,* 2016).

Kecekapan pemprosesan dan *perceptual organisation* penting kerana kedua-dua aspek ini memberi petunjuk tentang kelajuan maklumat diproses serta dipelajari tanpa berlakunya kesilapan (Grant, 2005). Menurut Bhasin (2020), *perceptual organisation* merupakan satu proses yang mengumpulkan elemen visual sehingga mudah untuk menentukan makna visual secara keseluruhan. Tahap kecekapan pemprosesan untuk seorang individu berdisleksia adalah lebih rendah daripada *perceptual organisation* dan ini mempengaruhi kelajuan dalam membaca serta menulis (Grant, 2005).

Dalam memproses maklumat, Ford (2011) mengulaskan bahawa informasi yang diterima oleh organ deria akan dihantar ke *STM* melalui *synapses*. Selepas maklumat tersebut diproses dalam *STM*, jalur saraf pada bahagian otak akan menghantar maklumat ini ke *LTM* (Ford, 2011). Antara faktor yang mengganggu pemprosesan seseorang individu berdisleksia adalah perkembangan sarung myelin dalam penyebaran maklumat melalui saraf, magnitud jurang sinaptik antara saraf, keseimbangan dan keberkesanan *neurotransmitter* dalam otak dan kecekapan *frontal lobes* dalam mengatur serta mengarahkan perjalanan maklumat (Adubasim, 2018).

Muzik dan bahasa mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu kedua-dua aspek ini berlaku di peringkat auditori (Moreno, 2009). *Primary auditory cortex* terletak di lobus temporal, di mana korteks ini membantu dalam memproses suara (Tomaino, 2015). Kajian lain telah menunjukkan perhubungan antara bahasa dan muzik pada tahap semantik dan sintaksis, sintaksis dan harmoni, serta semantik dan melodi (Moreno, 2009). Trollinger (2010) menjelaskan bahawa persepsi muzik berkait rapat dengan pemprosesan dalam bahasa. Wilayah temporal yang berada di otak kiri akan lebih aktif apabila mempelajari sebuah perkataan melalui lagu, manakala otak kanan akan lebih aktif apabila mempelajari sebuah melodi (Trollinger, 2010).

Latihan muzik dapat membantu menguatkan proses saraf dalam pemprosesan ucapan dan bahasa (Kraus & Chandrasekaran, 2010 dipetik dalam Patel, 2011). Patel (2011) menjelaskan bahawa aktiviti muzik dapat membantu seseorang dalam latihan auditori selaras dengan emosi yang positif dan seterusnya memudahkan *neural plasticity*. Oleh itu, lagu dan sajak memainkan peranan yang penting dalam membantu mengembangkan kesedaran fonologi kanak-kanak berdisleksia (Kay, n.d.). Menyanyi lagu yang bersajak penting untuk

kemahiran pra-membaca (Walton, 2014). Sebagai contohnya, untuk mengajar suku kata, Kay (n.d.) mencadangkan menyanyi suku kata dengan lagu supaya suku kata tersebut dapat dihafal dan diingati. Walton (2014) juga mengulaskan bahawa menyanyi lagu kanak-kanak sambil melihat pada perkataan bercetak dapat menyambungkan teks dan menguatkan fonologi dalam memori jangka panjang. Menyanyi bukan sahaja dapat membantu seseorang dalam fonasi, tetapi juga dapat mengawal kejelasan suara seseorang (Howland, 2015).

2.5 Membaca dan Menulis dalm kalangan Individu Berdisleksia

Belajar untuk membaca meliputi struktur kognitif-linguistik (Shaywitz, 2003; Shaywitz, 1998 dipetik dalam Balcı & Çayır, 2017). Membaca melibatkan kemahiran linguistik kerana aktiviti membaca memerlukan sebahagian otak untuk memproseskan bahasa (Balcı & Çayır, 2017). Membaca juga bersifat kognitif kerana aktiviti membaca memerlukan kognitif otak semasa belajar untuk membaca (Balcı & Çayır, 2017). Kognitif otak merupakan sebuah proses mental yang membenarkan seseorang untuk menerima, memilih, menyimpan, mengubah, mengembangkan, dan memulihkan maklumat yang telah diterima dari rangsangan luar (Zhang, 2019).

Frith (1985) mengemukakan tiga fasa dalam perkembangan membaca iaitu *logographic*, *alphabetic*, dan *orthograohic*. Kemahiran *logographic* merujuk kepada pengenalan perkataan dengan segera manakala kemahiran *alphabetic* pula adalah penggunaan fonem dan *graphemes* di mana pembaca dapat menyebut perkataan tetapi kurang tepat (Frith, 1985). Kemahiran *orthographic* merujuk kepada pembaca dapat membaca dengan pantas dan makna perkataan yang dibaca oleh pembaca tercapai (Frith, 1985). Dalam konteks ini, individu berdisleksia menghadapi masalah pada peringkat *orthographic,* walaupun mereka telah melepasi peringkat *alphabetic*.

Menurut Everatt (2008), membaca merangkumi dua proses iaitu mentafsir bentuk tulisan dan memahami makna yang ingin disampaikan oleh bentuk tulisan tersebut. Mentafsir sebuah perkataan melibatkan pelbagai sistem otak seperti *spatial attention*, bahagian otak yang khas memproses bahasa, pergerakan mata, dan sebagainya (Yeatman, 2016). Kebanyakkan individu berdisleksia menghadapi masalah *visual stress* (Grant, 2005). Individu yang mengalami *visual stress* akan melihat perkataan atau huruf tersebut bergerak, menjadi kabur, atau terdapat lingkaran di belakang huruf (Wilkins et al., 2016). *Visual stress* disebabkan oleh koordinasi pergerakan mata yang lemah (Grant, 2005). Semasa membaca, penetapan mata dan pergerakan *saccades* merupakan sebahagian proses untuk mendapatkan maklumat daripada sebuah teks (Everatt, 2008). Terdapat empat jenis pergerakan mata iaitu *saccades*, *smooth pursuit movement*, *vergence movement*, dan *vestibulo-ocular movement* (Purves et al., 2001). *Saccades* adalah gerakan mata dengan pantas yang mengalihkan *fovea* dari satu objek ke objek yang lain dan pergerakan ini harus cepat untuk memastikan penjelasan visual seseorang (Beh et al., 2017). *Cerebellum* memainkan peranan dalam mengawal pergerakan mata (Beh et al., 2017). Menurut interpretasi Grant (2005), *cerebellum* disambung dengan retina oleh dua jalur iaitu laluan *magnocellular* dan laluan *parvocellular*. Sebahagian individu berdisleksia mempunyai kekurangan *magno cells* di jalur *magnocellular* dan kesannya adalah mengurangkan kelancaran aliran maklumat ke *cerebellum* (Grant, 2005). Hal ini akan mengakibatkan individu tersebut memerlukan tenaga mental yang lebih dan pergerakan mata tidak dapat fokus terhadap sesuatu benda (Grant, 2005).

Sebahagian kanak-kanak berdisleksia mengalami kesulitan dalam mengawal motor dan secara tidak langsung kesulitan ini menghalang perkembangan menulis mereka. (Snowling, 2001). Individu berdisleksia berkemungkinan mengalami masalah seperti

menulis perkataan yang salah, tulisan mereka sukar dibaca, lemah dalam mengatur perkataan dan kurang dalam penggunaan pelbagai perkataan (Hebert et al., 2018). Greutman (2017) mengulaskan bahawa menulis meliputi *eye-hand coordination*, memori otot, postur, kawalan badan serta pemegangan pensil, dan pembentukan huruf. Motor halus yang dapat dihubungkaitkan dengan kemahiran menulis yang lemah adalah *in-hand manipulation* (Greutman, 2017). *In-hand manipulation* merujuk kepada pergerakan sesuatu objek dalam tangan seseorang (Exner,1989 dipetik dalam Exner 1990). Kanak-kanak yang mengalami masalah *in-hand manipulation* juga menghadapi penundaan dalam kemahiran motor halus seperti menggunakan pensil untuk menulis (Exner, 1990). Bahagian otak yang mengawal motor halus adalah *cerebral cortex*, *basal ganglia*, dan *cerebellum* (Cheour, 2018). *Cerebral cortex* mengawal pergerakan otot, *basal ganglia* mengawal *voluntary movement*, dan *cerebellum* pula bertanggungjawab untuk memantau pergerakan otot (Cheour, 2018).

2.6 Cara-cara untuk Mempertingkatkan Kemahiran Membaca dan Menulis dalam kalangan Individu Berdisleksia

Di Malaysia, seseorang kanak yang disyaki mengalami disleksia akan menerima ujian psikologi seperti *Dyslexia Screening test (DST)* dan *Wechsler Intelligence Screening Test (WISC)* serta sesi temu bual dijalankan bersama dengan ibu bapa atau guru yang berkenaan (Yuzaidey et al., 2018). Terdapat tiga cara untuk mengatasi disleksia iaitu dengan penilaian *(assessment)*, rawatan *(treatment)*, dan terapi khusus *(special therapy)* (Tammasses & Jumraini, 2017).

Untuk penilaian, Oviedo dan Gonzalez (2013) telah menjalani sebuah kajian kes di *Spain* terhadap seorang kanak-kanak berdisleksia yang bernama Pedro. Pedro mempunyai kesukaran dalam memahami sebuah teks, tidak dapat membezakan huruf antara "a" dan "o", "s" dan "z" serta mempunyai tulisan yang tidak teratur. Dalam kajian ini, Oviedo dan

Gonzalez (2013) telah membuat sebuah program intervensi yang bernama *Personalized reading dan writing recovery programme*. Program ini merupakan kaedah multisensori dan dilaksanakan sebanyak 30 minggu. Selepas Pedro menerima program ini, kanak-kanak tersebut bukan sahaja dapat mengeja perkataan dengan tepat, penulisan komposisinya juga turut semakin baik.

Untuk rawatan pula, Ambrose dan Loh (2011) telah melakukan kajian kes di Malaysia terhadap tiga orang pelajar peringkat sekolah menengah. Ketiga-tiga pelajar ini mengalami kesulitan dalam membaca, tidak dapat mengenal pasti perkataan dan tidak dapat membezakan huruf "b" & "d" dan "p" & "q". Ambrose dan Loh (2011) menggunakan kaedah multisensori dengan menggunakan c*lay modeling program.* Program ini dijalankan sebanyak 20 sesi, satu sesi berlangsung selama 75 minit. Hasil daripada ketiga-tiga pelajar ini bukan sahaja dapat membaca sebuah teks tertentu dengan lancar serta mengeja perkataan dengan betul bahkan mereka juga dapat memberi tumpuan dalam kelas.

Untuk terapi khusus, Katsarou (2017) telah menjalankan muzik terapi di *Thessaloniki, Greece* terhadap 24 orang murid sekolah rendah yang berdisleksia. Muzik terapi ini berbentuk intervensi. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah *memory-melody, vocabulary learning, phonemic awareness,* dan sebagainya. Hasil daripada aktiviti ini adalah mereka mempunyai peningkatan dalam kemahiran linguistik dan mereka juga dapat mengimbas kembali perkataan atau ayat yang terdapat dalam lagu tersebut.

BAB 3

BAHAN DAN METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian metodologi menunjukkan falsafah, nilai-nilai dan anggapan, di mana mendorong sebuah pemikiran yang rasional semasa menjalankan kajian serta piawaian yang akan diaplikasikan untuk mentafsir sesuatu maklumat dan membuat kesimpulan dalam sebuah penyelidikan (Bailey, 1994 dipetik dalam Almalki, 2016). Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang berbentuk rawatan. Rawatan telah dijalankan di *Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak*. Rawatan ini meliputi 20 sesi, setiap sesi berlangsung selama 30 minit. Pengkaji telah menyesuaikan masa rawatan dengan masa yang ditetapkan oleh pihak guru dari pusat pembelajaran disleksia.

Kaedah kuantitatif dan kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengumpul data. Untuk kaedah kualitatif, temu bual dan pemerhatian melalui penglibatan telah dilakukan untuk mengumpul maklumat yang berkenaan. Untuk kaedah kuantitatif pula, borang soal selidik telah diedarkan semasa rawatan berlangsung. Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan prosedur untuk mengumpul, dan menganalisis data. Selain itu, bab ini juga menerangkan secara teliti tentang kajian metodologi yang telah digunakan.

3.2 Pensampelan

Pengkaji telah menggunakan sampel purposif homogen untuk melakukan pensampelan. Sampel purposif homogen merupakan sampel yang bukan kebarangkalian yang dipilih untuk karakteristik atau ciri-ciri yang dikongsi bersama-sama. Antara kriteria untuk memilih sampel adalah kanak-kanak berdisleksia tersebut merupakan pelajar yang baharu mendaftarkan diri di pusat pembelajaran disleksia. Kriteria seterusnya adalah mereka lemah dalam menulis dan membaca. 4 orang kanak-kanak berdisleksia telah terpilih untuk menerima rawatan ini. Umur mereka adalah dalam sekitar 5 hingga 9 tahun. Mereka mempunyai ciri-ciri yang sama, iaitu *mirror-image writing* dan tidak dapat membaca. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini telah dinamakan sebagai Kanak-kanak A, B, C dan D. Kanak-kanak A dan B tidak mempunyai asas fonik, manakala Kanak-kanak C dan D pula mempunyai asas fonik. Kanak-kanak yang mempunyai asas fonik adalah mereka yang dapat mengenali dan membunyikan sebuah huruf. Kanak-kanak yang tidak mempunyai asas fonik adalah mereka yang tidak dapat mengenalpasti dan membunyikan sebuah huruf.

Pengkaji telah memilih Bahasa Malayu sebagai bahan pengajaran. Bahan pengajaran yang dipilih merupakan bahan yang sedia ada di pusat pembelajaran tersebut. Menurut pihak guru, terdapat enam set pembelajaran untuk Bahasa Melayu iaitu set 1 hingga 6.

Jadual 3.1: Enam set pembelajaran untuk Bahasa Melayu

Set	**Huruf**
1	a, b, m, t
2	a, b, m, t, u, s, k
3	a, b, m, t, u, s, k, i, n, y
4	a, b, m, t, u, s, k, i, n, y, d, o, l, r
5	a, b, m, t, u, s, k, i, n, y, d, o, l, r, e, ĕ, h, p
6	a, b, m, t, u, s, k, i, n, y, d, o, l, r, e, ĕ, h, p, c, f, g, j, v, w, z

Berdasarkan Jadual 3.1, setiap set merangkumi perkataan. Pelajar yang baharu menghadiri kelas tuisyen atau program intervensi telah bermula dari set 1. Dengan bantuan pihak guru, pengkaji telah memilih beberapa perkataan daripada set 1 hingga 3 dan dua buah teks yang bertajuk "Adik Tina" dan "Kuda Kayu" bagi Kanak-kanak A dan B. Pengkaji juga telah memilih beberapa perkataan yang arasnya lebih tinggi daripada set 1 hingga 6 bagi Kanak-kanak C dan D. Jadual 3.2 dan Jadual 3.3 merupakan senarai huruf dan perkataan bagi kanak-kanak A, B, C, dan D. Dengan bantuan guru di pusat pembelajaran, huruf, dan perkataan yang dipilih telah disusun mengikut sesi dan tahap kesusahan.

Jadual 3.2: Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang mempunyai asas fonik


Sesi	**Huruf/Perkataan**	**Sesi**	**Huruf/Perkataan**
1	*Pre-Test*	11	betul
2	'a' dan 'e'	12	kebab
3	'i' dan 'o'	13	buaya
4	'u'	14	balik
5	mata	15	janji
6	batu	16	geram
7	susu	17	waris
8	muka	18	zahir
9	satu	19	fitnah
10	adik	20	Post-Test

Jadual 3.3: Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang tidak mempunyai asas fonik


Sesi	Huruf/Perkataan	Sesi	Huruf/Perkataan
1	*Pre-Test*	11	sayu
2	‘a’ dan ‘e’	12	bantu
3	‘i’ dan ‘o’	13	bumi
4	‘u’	14	kuda
5	mata	15	luka
6	batu	16	beli
7	susu	17	bapa
8	muka	18	jari
9	satu	19	adik
10	kayu	20	Post-Test

Untuk lagu, pengkaji telah menyediakan lima buah lagu yang terkenal dalam kalangan kanak-kanak. Lima buah lagu terebut merangkumi lagu *Baby Shark, Twinkle Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down,* Lompat Si Katak Lompat, Tepuk Amai-amai, dan Bapaku Pulang dari Kota. Dengan menggunakan sampel purposif, pengkaji telah memilih 3 buah lagu iaitu lagu *Twinkle Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down*, dan Bapaku Pulang dari Kota. Ketiga-tiga buah lagu ini adalah dalam *major key* dan mempunyai ritma yang senang dan menarik untuk dinyanyikan. Tiga buah lagu ini telah digubah semula supaya lagu tersebut kedengaran lebih seronok dan menarik untuk kanak-kanak berdisleksia.

Sehubungan itu, huruf dan perkataan yang terpilih telah menjadi seni kata untuk lagu *Twinkle Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down,* dan Bapaku Pulang dari Kota. Gambar Rajah 3.1, Gambar Rajah 3.2, dan Gambar Rajah 3.3 menunjukkan huruf serta perkataan sebagai seni kata bagi ketiga-tiga buah lagu ini. Proses kanak-kanak semasa menerima rawatan telah diterangkan pada Bahagian 3.5, iaitu proses sesi rawatan.



Gambar Rajah 3.1: Huruf vokal untuk lagu *Twinkle Twinkle Little Star*



Gambar Rajah 3.2: Perkataan “kuda” untuk lagu *London Bridge is Falling Down*



Gambar Rajah 3.3: Perkataan “buaya” untuk lagu Bapaku Pulang dari Kota

3.3 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menggunakan *pre-experimental design* dalam penyelidikan ini. *Pre-experimental design* adalah sebuah skema penyelidikan di mana reka bentuk ini dapat memerhatikan kesan perubahan terhadap satu subjek atau satu kumpulan setelah rawatan diterapkan (Frey, 2018). Reka bentuk ini juga dapat menguji sama ada rawatan yang diaplikasikan berpotensi untuk mempengaruhi subjek atau kumpulan yang terpilih. Menurut Campbell & Stanley (1963), terdapat tiga jenis reka bentuk dalam *pre-experimental design*, antaranya adalah *one-shot case study*, *one-group pretest-posttest design*, dan *static-group comparison. One-group pretest-posttest design* telah dipilih untuk mengumpul data. Roger & Revesz (2019) mengulaskan bahawa dalam *one-group pretest-posttest design*, kumpulan eksperimen yang bakal menerima rawatan ini akan ada satu atau lebih daripada satu sesi latihan. Tujuan *pretest* dilakukan adalah untuk membandingkan kedua-dua kumpulan eksperimen dan kumpulan kontrol sebelum rawatan, manakala *post-test* pula membolehkan pengkaji untuk menentukan kesan rawatan terhadap hasil pemboleh ubah (Roger & Revesz, 2019).

O_1 X O_2

Gambar Rajah 3.4: Sistem notasi untuk *one-group pretest-posttest design*

Gambar Rajah 3.4 menunjukkan sistem notasi yang dikemukakan oleh Campbell & Stanley (1963). X mewakili kumpulan yang terdedah kepada eksperimen, dan O merujuk kepada proses pemerhatian atau pengukuran. Dimensi kiri-ke-kanan menunjukkan susunan temporal. Secara ringkasnya, O_1 adalah *pre-test*. Pada tahap ini, kanak-kanak berdisleksia telah diuji sama ada mereka dapat membaca dan menulis huruf atau perkataan yang sudah dipelajari pada sesi yang lepas. X merujuk kepada rawatan. Pada tahap ini, kanak-kanak berdisleksia mengenali, menyanyi, dan menulis suku kata atau perkataan baharu. O_2 adalah

posttest, kanak-kanak berdisleksia diuji dengan membaca dan menulis huruf atau perkataan yang baharu dipelajari.

3.4 Instrumen Kajian

Creswell & Creswell (2018) mengulaskan bahawa pendekatan penyelidikan merupakan pelan dan prosedur yang meliputi jangkaan daripada andaian umum kepada kaedah pengumpulan data, analisis, dan interpretasi. Terdapat tiga kaedah pendekatan penyelidikan iaitu kaedah kuantitatif, kualitatif, dan kaedah gabungan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah gabungan. Kajian gabungan merupakan pendekatan yang melibatkan pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif, mengintegrasikan kedua-dua data dan menggunakan reka bentuk yang meliputi falsafah andaian dan rangka kerja teori (Creswell & Creswell, 2018). Pengkaji menggunakan kaedah gabungan supaya dapat menilai proses dan hasil kanak-kanak berdisleksia daripada rawatan ini.

3.4.1 Pengumpulan Data

3.4.1.1 Kaedah Kualitatif

Pengkaji telah menggunakan temu bual dan pemerhatian melalui penglibatan untuk mengumpul data. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), menemu bual bukan sahaja dapat mendalami sesebuah topik tertentu, malah dapat memahami sebuah subjek kajian yang berkaitan dengan pengalaman atau situasi. Pemerhatian merupakan sebuah proses yang memerlukan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek kajian. Interaksi ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan teknik yang sistematik (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

3.4.1.1.1 Kaedah Pemerhatian

Pengkaji telah mengikuti semua sesi rawatan supaya dapat memahami serta menilai situasi kanak-kanak berdisleksia semasa sesi berlangsung. Selain menilai, pengkaji juga dapat memperhatikan reaksi dan berkomunikasi secara langsung dengan kanak-kanak berdisleksia tersebut. Pengkaji juga telah mencatat keadaan dan hasil kanak-kanak berdisleksia sebelum, semasa, dan selepas menerima rawatan.

3.4.1.1.2 Kaedah Temu Bual

Pengkaji telah menemu bual tiga orang guru dan seorang ketua penilai. Ketiga-tiga guru ini dinamakan sebagai Guru X, Guru Y, dan Guru Z. Mereka merupakan guru Bahasa Melayu yang bertanggungjawab dalam mengajar kanak-kanak berdisleksia yang terpilih untuk menerima rawatan ini. Antara soalan yang dikemukakan terhadap Guru X, Y, dan Z serta guru penilai adalah seperti berikut:

Jadual 3.4: Jadual bagi kanak-kanak berdisleksia yang tidak mempunyai asas fonik

No.	Soalan	
	Guru X, Y dan Z	Ketua Penilai
1.	Berapa bulan atau berapa tahun kanak-kanak berdisleksia tersebut telah menghadiri ke pusat pembelajaran ini?	Berapa lama *Learning and Resource Centre of Dyslexia Association of Sarawak* beroperasi?
2.	Bagaimanakah keadaan (dari segi membaca dan menulis) kanak-kanak berdisleksia sebelum menerima rawatan?	Berapakah julat umur kanak-kanak berdisleksia yang mendaftar di pusat pembelajaran tersebut?

Jadual 3.4 sambungan

3.	Apakah perubahan atau peningkatan yang terdapat pada kanak-kanak berdisleksia selepas menerima rawatan? (perubahan dari segi membaca dan menulis huruf atau perkataan).	Apakah ciri-ciri disleksia dan jenis rawatan yang diberi kepada keempat kanak-kanak berdisleksia tersebut?
4.	Pada pendapat anda, adakah terapi muzik secara tidak langsung meningkatkan kemahiran membaca dan menulis pada kanak-kanak berdisleksia?	Apakah bahan yang digunakan untuk menilai hasil kanak-kanak berdisleksia selepas menerima intervensi selama tiga bulan atau tuisyen di pusat pembelajaran ini?
5.	Pada pendapat anda, adakah sesi rawatan berlangsung dengan efektif? (dari segi kemajuan kanak-kanak berdisleksia dalam membaca dan menulis). Sila berikan cadangan anda.	Pada pendapat anda, adakah terapi muzik berkesan untuk membantu kanak-kanak berdisleksia khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis?
6.	Pada pendapat anda, adakah terapi muzik dapat menjadikan terapi untuk membantu kanak-kanak atau orang dewasa yang berdisleksia? Sila huraikan.	

Soalan yang dikemukakan kepada guru dan ketua penilai adalah berdasarkan objektif untuk kajian ini. Untuk menguji keberkesanan rawatan nyanyian, pengkaji harus memahami keadaan kanak-kanak berdisleksia yang terpilih. Guru dan ketua penilai merupakan orang yang lebih memahami keadaan kemahiran membaca, dan menulis mereka. Terdapat

beberapa soalan yang memerlukan pendapat mereka. Hal ini supaya mereka dapat memberikan pendapat dan cadangan tentang terapi muzik khususnya rawatan nyanyian.


3.4.1.2 Kaedah Kuantitatif

3.4.1.3 Borang Soal Selidik

Terdapat tiga borang soal selidik disediakan untuk mengumpul data. Antaranya adalah *pre-test*, *post-test*, dan *post-test* keseluruhan. *Pre-test* telah digunakan pada sesi 1. *Post-test* digunakan dari sesi 2 hingga 19. *Post-test* keseluruhan pula digunakan pada sesi 20. Berikut merupakan jadual borang yang digunakan untuk sesi tertentu.

Jadual 3.5: Borang yang digunakan dari sesi 1 hingga sesi 20

Nama borang	Sesi																			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Pre-test	●																			
Post-test		●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	
Post-test keseluruhan																				●



Pre-Test

Nama :
Umur :
Tarikh :

Bahagian A **(5 markah)**
Sila membaca huruf berikut (huruf vokal dan konsonan). Setiap soalan akan diberikan 1 markah sekiranya huruf tersebut dibaca dengan betul.

1. a ( )
2. k ( )
3. j ( )
4. i ( )
5. t ( )

Bahagian B **(5 markah)**
Sila membaca perkataan berikut. Setiap soalan akan diberikan 1 markah sekiranya perkataan tersebut dibaca dengan betul.

1. ini ( )
2. bapa ( )
3. main ( )
4. ikan ( )
5. cantik ( )

Gambar Rajah 3.5: Borang *pre-test* untuk sesi pertama

Gambar Rajah 3.5 merupakan *pre-test* yang digunakan pada sesi 1. Borang ini telah diedarkan kepada kanak-kanak berdisleksia. Guru yang bertanggungjawab untuk sesi tersebut telah membimbing kanak-kanak untuk menjawab soalan *pre-test*. Terdapat dua bahagian pada borang *pre-test* iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A menguji tentang huruf vokal dan konsonan. Bahagian B pula menguji perkataan. Jumlah markah *pre-test* adalah 10 markah. Kanak-kanak berdisleksia tersebut akan mendapat 0 markah sekiranya mereka salah atau tidak dapat membaca huruf atau perkataan yang ada pada borang *pre-test*. Tujuan *pre-test* ini dilakukan supaya pengkaji dapat gambaran yang kanak-kanak berdisleksia ini sama ada mereka mempunyai pengetahuan mengenai bahan yang akan diberikan.

Gambar Rajah 3.6 merupakan salah satu borang *post-test* yang digunakan dari sesi 2 hingga 19. Gambar Rajah 3.6 menunjukkan borang *post-test* untuk sesi 2. Guru yang bertanggungjawab pada sesi tersebut harus mengisi nama kanak-kanak berdisleksia, umur mereka, dan tarikh sesi tersebut dilaksanakan.



Post-Test

Nama :
Umur :
Sesi : 2 (Huruf vokal "a" dan "e")
Tarikh :

Bahagian ini diisikan selepas rawatan dijalankan.
Sila tandakan (/) dalam petak yang disediakan jika kanak tersebut dapat membaca dan menulis huruf tersebut.

1. a _____ ☐
2. e _____ ☐

Catatan :


Berikut merupakan perkara yang harus dicatat :

1. Tingkah laku kanak tersebut sebelum, semasa dan selepas menjalankan sesi rawatan.
2. Pada akhir sesi, bolehkah kanak tersebut membaca dan menulis huruf atau perkataan yang dipelajari.

Gambar Rajah 3.6: Borang *post-test* untuk sesi kedua

Pada sesi 2, huruf “a” dan “e” telah dipelajari oleh kanak-kanak berdisleksia. Terdapat satu bahagian di mana guru menguji kanak-kanak berdisleksia tersebut sama ada mereka dapat membaca dan menulis huruf “a” dan “e”. Bahagian tersebut telah diisi selepas sesi rawatan dijalankan. Guru telah tandakan “/” dalam petak yang disediakan sekiranya kanak-kanak tersebut dapat membaca dan menulis huruf “a” dan “e”. Selain itu, borang ini juga menyediakan ruang catatan untuk guru. Guru yang bertanggungkawab digalakkan untuk mencatat keadaan kanak-kanak berdisleksia semasa sesi berlangsung. Pengkaji juga telah menyediakan panduan untuk guru yang terdapaat di bahagian bawah borang. Panduan ini fokus terhadap tingkah laku dan reaksi kanak-kanak berdisleksia sebelum, semasa dan selepas sesi rawatan dijalankan.

Gambar Rajah 3.7 merupakan salah satu borang *post-test* yang digunakan dari sesi 2 hingga 19. Borang *post-test* tersebut merupakan borang *post-test* untuk sesi 4.



Post-Test

Nama :
Umur :
Sesi : 4 (Huruf vokal “u”)
Tarikh :

Bahagian ini diisikan sebelum rawatan dijalankan.
Pre-Test (Menguji huruf vokal “a”, “e”, “i” dan “o”)
Sila tandakan (/) dalam petak yang disediakan jika kanak tersebut dapat membaca dan menulis huruf berikut :

1. a _____ ☐ 3. i _____ ☐
2. e _____ ☐ 4. o _____ ☐

Bahagian ini diisikan selepas rawatan dijalankan.
Sila tandakan (/) dalam petak yang disediakan jika kanak tersebut dapat membaca dan menulis huruf berikut :

1. u _____ ☐

Catatan :

_____
_____
_____
_____
_____

Berikut merupakan perkara yang harus dicatat :


1. Tingkah laku kanak tersebut sebelum, semasa dan selepas menjalankan sesi rawatan.
2. Pada akhir sesi, bolehkah kanak tersebut membaca dan menulis huruf atau perkataan yang dipelajari.

Gambar Rajah 3.7: Borang *post-test* untuk sesi keempat

Pada sesi ini, kanak-kanak berdisleksia telah mempelajari huruf vokal “u”. Terdapat dua bahagian dalam borang ini. Pada bahagian *pre-test*, kanak-kanak berdisleksia telah diuji dengan menulis dan membaca huruf vokal “a”, “e”, “i”, dan “o” di mana mereka telah

mempelajari huruf-huruf ini pada sesi yang lalu. Bahagian seterusnya adalah bahagian untuk menguji kanak-kanak berdisleksia sama ada mereka dapat membaca dan menulis huruf vokal "u" yang baharu dipelajari.

Gambar Rajah 3.8 merupakan salah satu borang *post-test* yang digunakan dari sesi 2 hingga 19. Gambar Rajah 3.8 merupakan borang *post-test* untuk sesi 5.



Post-Test

Nama :
Umur :
Sesi : 5 (Perkataan "mata")
Tarikh :

Bahagian ini diisikan selepas rawatan dijalankan.
Sila tandakan (/) dalam petak yang disediakan jika kanak tersebut dapat membaca dan menulis huruf berikut :

1. mata _____ ☐

Catatan :

Berikut merupakan perkara yang harus dicatat :

1. Tingkah laku kanak tersebut sebelum, semasa dan selepas menjalankan sesi rawatan.
2. Pada akhir sesi, bolehkah kanak tersebut membaca dan menulis huruf atau perkataan yang dipelajari.


Gambar Rajah 3.8: Borang *post-test* untuk sesi kelima

Pada sesi 5, huruf yang dipelajari pada sesi 2 hingga 4 tidak akan diulangi dan diuji lagi. Kanak-kanak berdisleksia telah bermula belajar perkataan pada sesi ini. Perkataan yang dipelajari pada sesi 5 adalah "mata".


Post-test keseluruhan telah dijalankan pada sesi 20. Borang ini bertujuan untuk menentukan kejayaan rawatan nyanyian terhadap kanak-kanak berdisleksia. Mereka telah diuji dengan huruf dan perkataan yang sudah dipelajari dari sesi 2 hingga sesi 19.

Borang-borang ini dihasilkan berdasarkan objektif untuk kajian ini. Objektif kajian ini adalah menguji keberkesaan rawatan nyanyian terhadap kemahiran membaca dan

menulis kanak-kanak berdisleksia. Oleh itu, sebelum rawatan dijalankan, kanak-kanak berdisleksia telah diuji dengan huruf atau perkataan yang sudah dipelajari pada sesi yang lepas. Untuk memastikan mereka dapat membaca huruf atau perkataan yang baharu dipelajari, mereka diuji sekali lagi selepas sesi rawatan. Sekiranya mereka dapat membaca huruf atau perkataan yang sudah dipelajari, maka rawatan nyanyian ini berkesan terhadap mereka.



Gambar Rajah 3.9: Kertas untuk menulis huruf



Gambar Rajah 3.10: Kertas untuk menulis suku kata dan perkataan

Gambar Rajah 3.9 dan Gambar Rajah 3.10 merupakan kertas untuk kanak-kanak berdisleksia menulis huruf atau perkataan semasa sesi berlangsung. Pada sesi 2 hingga 4,

kanak-kanak berdisleksia telah menggunakan kertas pada Gambar rajah 3.9 untuk menulis huruf. Pada sesi 5 hingga 19 pula, kanak-kanak berdisleksia telah menggunakan kertas pada Gambar Rajah 3.10 untuk menulis suku kata dan perkataan. Petak A yang ada pada Gambar Rajah 3.10 merupakan ruangan untuk menulis suku kata. Petak B pula merupakan ruangan untuk menulis perkataan.

3.4.2 Penganalisisan Data

T-test telah diaplikasikan dalam kajian ini. *T-test* digunakan untuk menganalisis borang soal selidik. Hipotesis kajian ini adalah tiada pengaruh rawatan nyanyian terhadap kanak-kanak berdisleksia, dan ada pengaruh rawatan nyanyian terhadap kanak-kanak berdisleksia dengan tahap keyakinan 95%. *T-test* digunakan dalam kajian ini untuk menguji hipotesis sama ada rawatan nyanyian ini berkesan atau kurang berkesan terhadap kanak-kanak berdisleksia. Selain itu, terdapat dua kumpulan kanak-kanak dalam kajian. Kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik, Kanak-kanak A dan B, dan kumpulan yang mempunyai asas fonik, Kanak-kanak C dan D. Penggunaan *t-test* juga dapat membantu pengkaji membandingkan skor min terhadap dua kumpulan ini.


Pengkaji telah memilih tahap keyakinan 95% untuk kajian ini. *Degree of freedom (df)* untuk kajian ini adalah 4. Oleh itu, had kepentingan untuk kajian ini adalah 2.78 (sila rujuk lampiran, *t-table*). Borang *post-test* dari sesi 2 hingga 19 telah di analisis untuk mencari skor min bagi kedua-dua kumpulan ini. Berikut merupakan formula *t-test* untuk mencari nilai t. *MD* adalah *mean differences*. Untuk mencari *MD*, jumlah perbezaan skor min dari dua subjek ditambah kemudian dibahagi kepada dua. Subjek di sini merujuk kepada dua orang kanak-kanak berdisleksia dalam satu kumpulan. N merujuk kepada bilangan subjek, dan d adalah *deviation* individu dari *MD*.

$$t = \frac{MD}{\frac{\sqrt{\sum d^2}}{N(N-1)}}$$

3.5 Proses Sesi Rawatan

Terdapat tiga proses semasa rawatan berlangsung. Antaranya adalah mengenali huruf atau perkataan, menyanyi, dan menulis. Sebelum menyanyi sebuah huruf atau perkataan, guru yang bertanggungjawab mengajar kanak-kanak tersebut untuk menyebut bunyi huruf. Selepas mengajar bunyi huruf, guru tersebut mengajar untuk menggabungkan huruf menjadi suku kata. Pada tahap menyanyi, kanak-kanak tersebut mengikut lagu untuk menyanyikan huruf yang baharu dipelajari. Untuk perkataan, kanak-kanak tersebut telah menyanyikan suku kata bersama-sama dengan lagu. Pengkaji juga turut menyanyi bersama-sama dengan kanak-kanak. Selepas menyanyi, kanak-kanak menulis huruf, suku kata atau perkataan di atas kertas yang telah disediakan oleh pengkaji.

Sebagai contohnya, kanak-kanak mempelajari perkataan baharu iaitu “kuda”. Guru yang bertanggungjawab pada sesi tersebut mengajar suku kata “ku” dahulu. Selepas kanak-kanak tersebut mempelajari cara menyebut “ku”, mereka menyanyi suku kata “ku” tanpa lagu. Kemudian, kanak-kanak tersebut menyanyikan suku kata “ku” dengan lagu. Selepas menyanyi dengan lagu, kanak-kanak tersebut akan menulis suku kata “ku” pada kertas yang disediakan. Berikut merupakan contoh proses sesi rawatan yang dijalankan pada sesi 14. Perkataan yang dipelajari adalah “kuda”.



Gambar Rajah 3.11: Proses sesi rawatan

3.6 Penutup

Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang berbentuk rawatan. O*ne-group pretest-posttest design* telah diaplikasikan dalam kajian ini. Rawatan ini berlangsung selama 20 sesi. Setiap sesi dijalankan sebanyak setengah jam, sesuai dengan masa yang ditetapkan oleh pihak guru. Seramai empat orang kanak-kanak berdisleksia, iaitu Kanak-kanak A, B, C, dan D telah menyertai penyelidikan ini. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan. Kanak-kanak A dan B berada dalam kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik. Kanak-kanak C

dan D berada dalam kumpulan mempunyai asas fonik. Lagu yang terpilih adalah *Twinkle Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down,* dan Bapaku Pulang dari Kota.

Kaedah gabungan telah digunakan untuk mengumpul data. Untuk kaedah kualitatif, kaedah temu bual, dan pemerhatian melalui penglibatan telah dilaksanakan. Untuk kaedah kuantitatif pula, borang soal selidak telah diedarkan kepada kanak-kanak berdisleksia semasa sesi rawatan berlangsung. *T-test* telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis hasil keempat kanak-kanak berdisleksia.

Dengan adanya panduan metodologi kajian, pengumpulan data lebih mudah dan bersistematik. Metodologi kajian yang digariskan juga telah menjadi panduan untuk mencapai objektif dan hipotesis kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang bertujuan untuk menguji keberkesanan rawatan nyanyian untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia.

Empat orang kanak-kanak berdisleksia telah dipilih untuk menerima rawatan nyanyian ini. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini dinamakan sebagai Kanak-kanak A, B, C, dan D. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini dibahagikan kepada dua kumpulan. Kanak-kanak A dan B dikategorikan dalam kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik, manakala Kanak-kanak C dan D dikategorikan dalam kumpulan yang mempunyai asas fonik.

Pengkaji telah mengumpul data di *Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak.* Kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu temu bual, pemerhatian melalui penglibatan serta borang soal selidik dilaksanakan untuk mengumpul data. Selain itu, *one-group pretest-posttest design* diaplikasikan dalam penyelidikan ini.

Terdapat tiga jenis borang soal selidik. Ketiga-tiga borang ini telah diedarkan semasa rawatan berlangsung. Antara borang soal selidik adalah *pre-test*, *post-test*, dan *post-test* keseluruhan. Borang *pre-test* diedarkan pada sesi 1. Borang ini bertujuan untuk menguji tahap kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia. Borang *post-test* telah digunakan pada sesi 2 hingga 19. Terdapat tiga bahagian dalam borang ini iaitu bahagian *pre-test, post-test*, dan catatan. Pada bahagian *pre-test*, sebelum sesi dimulakan, guru telah

menguji Kanak-kanak A, B, C, dan D sama ada mereka dapat membaca dan menulis huruf atau perkataan yang telah dipelajari pada sesi yang lalu. Pada bahagian *post-test* pula, keempat kanak-kanak berdisleksia ini telah diuji sekali lagi sama ada mereka boleh membaca dan menulis huruf atau perkataan yang baharu dipelajari. Selain itu, guru juga diminta untuk menilai keadaan kanak-kanak berdisleksia pada bahagian catatan. Seterusnya adalah borang *post-test* keseluruhan yang telah dilakukan pada sesi 20.

Pengkaji juga telah menggunakan *t-test* untuk menganalisis kedua-dua kumpulan ini. Pengkaji telah menerangkan hasil pemerhatian melalui penglibatan sesi rawatan dalam bentuk laporan. Selain itu, hasil temu bual bersama-sama dengan tiga orang guru dan seorang ketua penilai dari pusat pembelajaran telah diulaskan dalam bentuk deskriptif pada bab ini.

4.2 Dapatan Kajian Kaedah Kuantitatif

4.2.1 Borang Soal Selidik

4.2.1.1 *Pre-test*

Borang *pre-test* telah digunakan pada sesi 1. Seperti yang sudah dijelaskan pada bab tiga (sila rujuk kepada Gambar Rajah 3.5), borang *pre-test* mengandungi dua bahagian. Markah keseluruhan untuk borang ini adalah 10 markah. Pada sesi 1, kanak-kanak berdisleksia belum menerima rawatan nyanyian. Berikut merupakan jadual pemarkahan untuk borang *pre-test*.

Jadual 4.1: Pemarkahan *pre-test* untuk membaca (Kanak-kanak A, B, C, dan D)

Bahagian	Huruf/ Perkataan	Pemarkahan untuk aktiviti membaca			
		Kanak-kanak A	Kanak-kanak B	Kanak-kanak C	Kanak-kanak D
A	a	1	1	1	1
	k	0	1	1	1
	j	1	0	1	1
	i	1	0	1	1
	t	0	0	1	1
B	ini	0	0	0	1
	bapa	0	0	1	0
	main	0	0	0	0
	ikan	0	0	0	0
	cantik	0	0	0	0
Jumlah markah		3	2	6	6

Untuk menulis pula, pengkaji menganggap keempat kanak-kanak berdisleksia ini bermula dari kosong, di mana kosong bermaksud mereka tidak dapat menulis huruf atau perkataan dengan tepat. Hal ini kerana keempat kanak-kanak berdisleksia ini merupakan pelajar yang baharu mendaftar di pusat pembelajaran ini. Pengkaji telah memantau

perkembangan mereka sama ada kemahiran mereka meningkat, atau tiada pengaruh daripada rawatan nyanyian ini.

4.2.1.2 *Post-test*

Post-test telah dilaksanakan dari sesi 2 hingga 19. Terdapat dua bahagian yang perlu dianalisis oleh pengkaji iaitu bahagian membaca dan bahagian menulis. Oleh itu, pengkaji telah membuat skala pemarkahan untuk membaca dan menulis. Skala ini menjadi panduan pengkaji untuk menilai tahap kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak berdisleksia. Jadual 4.1 dan 4.2 merupakan skala pemarkahan untuk aktiviti membaca dan menulis.

Selain itu, nilai pemarkahan untuk aktiviti membaca dan menulis yang dicatat oleh pengkaji juga merupakan hasil interpretasi daripada pemerhatian melalui penglibatan dalam sesi rawatan (sila rujuk Jadual 4.4, 4.5, 4.6, dan 4.7).

Dalam empat orang kanak-kanak berdisleksia ini, terdapat dua orang yang tidak mempunyai asas fonik, iaitu Kanak-kanak A dan B. Manakala, Kanak-kanak C dan D mempunyai asas fonik. Kedua-dua kumpulan ini telah dianalisis secara berasingan.

Jadual 4.2: Skala pemarkahan membaca *post-test* bagi setiap sesi

Markah	Penjelasan
0	• Tidak dapat membaca
1 – 33	• Mencuba untuk membaca • Salah membaca
34 – 66	• Boleh mengeja huruf tetapi bunyi huruf tidak betul. (baca a dalam bunyi huruf English) • Tidak dapat menggabungkan huruf menjadi suku kata
67 - 99	• Dapat mengeja dengan bunyi huruf yang betul • Dapat menggabungkan huruf menjadi suku kata tetapi tidak dapat menggabungkan suku kata menjadi perkataan

Jadual 4.2 sambungan

100	• Dapat membaca

Jadual 4.2 merupakan skala pemarkahan untuk aktiviti membaca. Bagi skema pemarkahan membaca, sekiranya kanak-kanak tersebut tidak dapat membaca huruf atau perkataan, maka markah mereka adalah kosong. Bagi nilai markah 1 hingga 33, mereka mencuba untuk membaca tetapi mempunyai kesalahan ketika membaca. Sebagai contoh, mereka menyebut huruf 'a' menjadi 'o', atau membaca perkataan 'batu' menjadi 'bata'. Bagi nilai markah 34 hingga 66, mereka mempunyai kebolehan untuk mengeja huruf, namun terdapat sebutan huruf yang tidak betul. Sebagai contoh, mereka menyebut huruf 'a' dengan sebutan bunyi huruf Bahasa Inggeris 'a'. Selain itu, kanak-kanak berdisleksia yang mendapat lingkungan markah ini adalah mereka yang tidak boleh menggabungkan huruf menjadi suku kata. Mereka hanya boleh menyebut huruf, tetapi tidak boleh menyebut dua, atau tiga gabungan huruf menjadi satu suku kata. Kanak-kanak berdisleksia yang mendapat markah dalam lingkungan 67 hingga 99 adalah mereka yang boleh mengeja dengan bunyi huruf yang betul. Dalam konteks ini, mereka dapat menggabungkan huruf menjadi suku kata tetapi tidak dapat menggabungkan suku kata menjadi perkataan. Sebagai contoh, untuk perkataan 'muka', kanak-kanak tersebut dapat membaca suku kata 'mu' dan suku kata 'ka' tetapi tidak dapat menggabungkan kedua-dua suku kata ini menjadi 'muka'. Markah 100 akan diberi kepada mereka yang dapat membaca huruf atau perkataan dengan tepat.

Jadual 4.3: Skala pemarkahan menulis *post-test* bagi setiap sesi

Markah	Penjelasan
0	• Tidak dapat menulis
1 - 33	• Salah menulis
34 - 66	• Cara tulis terbalik atau tidak tepat
67 - 99	• Dapat menulis dengan tepat tetapi kurang kemas
100	• Dapat menulis dengan tepat dan kemas


Bagi skala pemarkahan menulis pula, nilai markah 0 telah diberi sekiranya kanak-kanak tersebut tidak menulis huruf atau perkataan yang sedia ada dalam borang *post-test*. Bagi markah 1 hingga 33, kanak-kanak tersebut mempunyai kesalahan menulis huruf atau perkataan, dan tidak menulis perkataan dengan lengkap. Sebagai contoh, huruf 'i' ditulis menjadi huruf 't', perkataan 'kayu' ditulis menjadi 'kagu' atau perkataan 'sayu' ditulis menjadi 'say'. Markah dari 34 hingga 66 diberikan kepada mereka yang menulis huruf secara terbalik atau menulis huruf tidak tepat. Sebagai contoh, huruf 'u' ditulis menjadi 'ᴜ', tulisan huruf 'b' yang tepat, ditulis dengan batang dari atas ke bawah, diikuti dengan bentuk bulat. Namun begitu, terdapat kanak-kanak berdisleksia yang menulis batang huruf 'b' dari bawah ke atas. Selain itu, kanak-kanak yang mendapat markah dalam lingkungan 67 hingga 99 terdiri daripada mereka yang boleh menulis dengan tepat, tetapi kurang kemas. 100 markah telah diberi kepada mereka yang dapat menulis dengan tepat dan kemas (Gambar Rajah 4.1). Berikut merupakan huruf atau perkataan yang tidak ditulis di atas garisan yang disediakan (Gambar Rajah 4.2), saiz huruf tidak sama (Gambar Rajah 4.3), dan salah tulis perkataan (Gambar Rajah 4.4).



Gambar Rajah 4.1: Tulisan perkataan yang tepat dan kemas



Gambar Rajah 4.2: Tulisan huruf yang tidak ditulis di atas garisan yang disediakan



Gambar Rajah 4.3: Tulisan bentuk huruf yang tidak sama.



Gambar Rajah 4.4: Hasil menulis salah perkataan

Berikut merupakan jadual hasil markah purata aktiviti membaca dan menulis bagi Kanak-kanak A dan B (tidak mempunyai asas fonik) dan Kanak-kanak C dan D (mempunyai asas fonik).

Jadual 4.4: Markah purata bagi Kanak-kanak A (sesi 2 hingga sesi 19)

Sesi	Membaca				Menulis			
	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test
2	-	-	‘a’ (100) ‘ĕ’ (100)	100	-	-	‘a’ (89) ‘ĕ’ (100)	94.5
3	‘a’ (100)	66.5	‘i’ (100)	100	‘a’ (100)	100	‘i’ (30)	65

Jadual 4.4 sambungan

	‘ĕ’ (33)		‘o’ (100)		‘ĕ’ (100)		‘o’ (100)	
4	‘a’ (50) ‘ĕ’ (25) ‘i’ (20) ‘o’ (100)	48.75	‘u’	66	‘a’ (98) ‘ĕ’ (100) ‘i’ (100) ‘o’ (100)	99.5	‘u’	45
5	-	-	mata	100	-	-	mata	85
6	mata	100	batu	80	mata	30	batu	30
7	mata (100) batu (67)	83.5	susu	100	mata (85) batu (63)	74	susu	60
8	mata (100) batu (100) susu (100)	100	muka	100	mata(100) batu (51) susu (66)	72.33	muka	60
9	mata (100)	96.25	satu	100	mata (66)	66.5	satu	66

Jadual 4.4 sambungan

	batu (100) susu (100) muka (85)				batu (66) susu (67) muka (67)			
10	-	-	kayu	100	-	-	kayu	59
11	kayu	0	sayu	100	kayu	20	sayu	90
12	kayu (0) sayu (25)	12.5	bantu	33	kayu (35) sayu (15)	25	bantu	65
13	kayu (22) sayu (10) bantu (0)	10.67	bumi	100	kayu (59) sayu (55) bantu (30)	48	bumi	60
14	-	-	kuda	100			kuda	33
15	kuda	90	luka	100	kuda	52	luka	99
16	kuda (0) luka (0)	0	beli	100	kuda (54) luka (57)	55.5	beli	55
17	kuda (0)	16.67	bapa	100	kuda (58)	58	bapa	60

Jadual 4.4 sambungan

	luka (50) beli (0)				luka (66) beli (50)			
18	kuda (0) luka (0) beli (0) bapa (0)	0	jari	100	kuda (68) luka (66) beli (60) bapa (55)	62.25	jari	85
19	kuda (25) luka (0) beli (0) bapa (0) jari (25)	40	adik	100	kuda (57) luka (54) beli (78) bapa (80) jari (59)	65.6	adik	59

Jadual 4.5: Markah purata bagi Kanak-kanak B (sesi 2 hingga sesi 15)

Sesi	Membaca				Menulis			
	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Markah Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test
2	-	-	‘a’ (100)	100	-	-	‘a’ (100)	100

Jadual 4.5 sambungan

3	‘a’ (100) ‘ĕ’ (33)	66.5	‘i’ (100) ‘o’ (100)	100	‘a’ (90) ‘ĕ’ (100)	95	‘i’ (99) ‘o’ (100)	99.5
4	‘a’ (33) ‘ĕ’ (20) ‘i’ (20) ‘o’ (100)	43.25	‘u’	100	‘a’ (90) ‘ĕ’ (100) ‘i’ (100) ‘o’ (100)	97.5	‘u’	100
5	-	-	mata	100	-	-	mata	75
6	mata	100	batu	100	mata	70	batu	66
7	mata (100) batu (100)	100	susu	100	mata (100) batu (100)	100	susu	95
8	mata (100) batu (25)	75	muka	100	mata (85) batu (100)	95	muka	95

Jadual 4.5 sambungan

	susu (100)				susu (100)			
9	mata (67)	91.75	satu	80	mata (100)	100	satu	70
	batu (100)				batu (100)			
	susu (100)				susu (100)			
	muka (100)				muka (100)			
10	-	-	kayu	100	-	-	kayu	60
11	kayu	100	sayu	100	kayu	55	sayu	90
12	kayu (20)	60	bantu	100	kayu (90)	95	bantu	85
	sayu (100)				sayu (100)			
13	kayu (67)	79	bumi	100	kayu (58)	61.67	bumi	70
	sayu (70)				sayu (60)			

Jadual 4.5 sambungan

	bantu (100)				bantu (67)			
14			kuda	100			kuda	90
15	kuda	75	luka	100	kuda	100	luka	90

Jadual 4.6: Markah purata bagi Kanak-kanak C (sesi 2 hingga sesi 19)

Sesi	Membaca				Menulis			
	Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test
2	-	-	‘a’ (100) ‘ĕ’ (100)	100	-	-	‘a’ (97) ‘ĕ’ (95)	96
3	‘a’ (100) ‘ĕ’ (100)	100	‘i’ (100) ‘o’ (100)	100	‘a’ (95) ‘ĕ’ (100)	97.5	‘i’ (100) ‘o’ (100)	100
4	‘a’ (66) ‘ĕ’ (100)	91.50	‘u’	100	‘a’ (100) ‘ĕ’ (94)	98.50	‘u’	96

Jadual 4.6 sambungan

	‘i’ (100) ‘o’ (100)				‘i’ (100) ‘o’ (100)			
5	-	-	mata	100	-	-	mata	93
6	mata	100	batu	100	mata	100	batu	85
7	mata (100) batu (100)	100	susu	100	mata (100) batu (97)	98.5	susu	100
8	mata (100) batu (100) susu (100)	100	muka	100	mata(100) batu (90) susu (89)	93	muka	91
9	mata (100) batu (100)	100	satu	100	mata (100) batu (100)	98.75	satu	100

Jadual 4.6 sambungan

	susu (100) muka (100)				susu (100) muka (95)			
10	-	-	adik	100	-	-	adik	51
11	adik (100)	100	betul	100	adik	58	betul	86
12	adik (100) betul (100)	100	kebab	100	adik (82) betul (90)	86	kebab	88
13	adik (100) betul (100) kebab (100)	100	buaya	100	adik (100) betul (89) kebab (95)	94.67	buaya	83
14	-	-	balik	100	-	-	balik	58
15	balik (100)	100	janji	100	balik (100)	100	janji	97

Jadual 4.6 sambungan

16	balik (100)	100	geram	100	balik (100)	97.5	geram	100
	janji (100)				janji (95)			
17	balik (100)	100	waris	100	balik (100)	99	waris	100
	janji (100)				janji (97)			
	geram (100)				geram (100)			
18	balik (100)	100	zahir	100	balik (33)	71.5	zahir	90
	janji (100)				janji (89)			
	geram (100)				geram (100)			
	waris (100)				waris (91)			
19	balik (100)	100	fitnah	100	balik (33)	84	fitnah	90

Jadual 4.6 sambungan

	janji (100)				janji (90)			
	geram (100)				geram (97)			
	waris (100)				waris (100)			
	zahir (100)				zahir (100)			

Jadual 4.7: Markah purata bagi Kanak-kanak D (sesi 2 hingga sesi 19)

Sesi	Membaca				Menulis			
	Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Pre-test	Huruf / Perkataan	Markah Purata Post-test
2	-	-	‘a’ (100)	100	-	-	‘a’ (100)	100
			‘ĕ’ (100)				‘ĕ’ (100)	
3	‘a’ (100)	100	‘i’ (100)	100	‘a’ (100)	100	‘i’ (100)	100

Jadual 4.7 sambungan

	‘ĕ’ (100)		‘o’ (100)		‘ĕ’ (100)		‘o’ (100)	
4	‘a’ (100)	100	‘u’	100	‘a’ (100)	100	‘u’	100
	‘ĕ’ (100)				‘ĕ’ (100)			
	‘i’ (100)				‘i’ (100)			
	‘o’ (100)				‘o’ (100)			
5	-	-	mata	100	-	-	mata	93
6	mata	100	batu	100	mata	100	batu	100
7	mata (100)	100	susu	100	mata (100)	97.5	susu	90
	batu (100)				batu (95)			
8	mata (100)	100	muka	100	mata(99)	95.67	muka	95
	batu (100)				batu (88)			

Jadual 4.7 sambungan

	susu (100)				susu (100)			
9	mata (100)	100	satu	100	mata (100)	100	satu	100
	batu (100)				batu (100)			
	susu (100)				susu (100)			
	muka (100)				muka (100)			
10			adik	100			adik	78
11	adik (100)	100	betul	100	adik	85	betul	83
12	adik (100)	100	kebab	100	adik (100)	100	kebab	97
	betul (100)				betul (100)			
13	adik (100)	100	buaya	100	adik (90)	93.67	buaya	78

Jadual 4.7 sambungan

	betul (100) kebab (100)				betul (91) kebab (100)			
14			balik	100			balik	94
15	balik (100)	100	janji	100	balik (100)	100	janji	87
16	balik (100) janji (100)	100	geram	100	balik (99) janji (100)	99.5	geram	96
17	balik (100) janji (100) geram (100)	100	waris	100	balik (89) janji (100) geram (83)	90.67	waris	100
18	balik (100)	100	zahir	100	balik (100)	100	zahir	100

Jadual 4.7 sambungan

	janji (100)				janji (100)			
	geram (100)				geram (100)			
	waris (100)				waris (95)			
19	balik (100)	100	fitnah	100	balik (99)	99.8	fitnah	90
	janji (100)				janji (100)			
	geram (100)				geram (100)			
	waris (100)				waris (100)			
	zahir (100)				zahir (100)			

Berdasarkan jadual di atas, markah huruf telah ditambah untuk mendapatkan markah purata *pre-test.* Sebagai contoh, untuk sesi 3, Kanak-kanak A dapat 100 markah untuk huruf ‘a’ dan 33 markah untuk huruf ‘ĕ’. Kedua-dua markah ini ditambah menjadi 133 markah. 133 telah dibahagi 2 kerana kanak-kanak tersebut diuji dengan dua perkataan yang sudah

dipelajari pada sesi yang lalu. Hasil markah purata *pre-test* untuk Kanak-kanak A adalah 66.5 markah. Berikut merupakan pengiraan markah purata *pre-test* bagi sesi 3:

$$100 + 33 = \frac{133}{2}$$

$$= 66.5$$

Selepas mempelajari huruf baharu iaitu huruf ‘i’ dan ‘o’, Kanak-kanak A diuji sekali lagi pada bahagian *post-test*. Pada bahagian ini, kedua-dua huruf ‘i’ dan ‘o’ masing-masing dapat markah 100 markah. 100 markah ini akan dibahagi 2 kerana kanak-kanak tersebut diuji dengan dua perkataan yang baharu dipelajari. Hasil markah purata bagi *post-test* adalah 100. Berikut adalah pengiraan markah purata *post-test* bagi sesi 3:

$$100 + 100 = \frac{200}{2}$$

$$= 100$$

Bagi keempat kanak-kanak berdisleksia, pengkaji telah membuat analisis sehingga sesi 15 sahaja kerana Kanak-kanak B tidak berjaya untuk menghabiskan sesi rawatan sehingga sesi 20. Namun begitu, pengkaji akan memaparkan hasil data untuk setiap sesi rawatan serta *post-test* keseluruhan. *Post-test* keseluruhan akan dilaksanakan pada sesi 20. Tujuan *post-test* keseluruhan dijalankan adalah untuk membuat perbandingan hasil pembelajaran keempat kanak-kanak berdisleksia dari awal sesi sehingga sesi 19. Berikut merupakan jadual markah *post-test* keseluruhan bagi Kanak-kanak A, C, dan D. Kanak-kanak B tidak terlibat dalam *post-test* keseluruhan kerana kanak-kanak tersebut mempunyai hal penting yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, hanya Kanak-kanak C yang menghadiri sesi rawatan sehingga sesi 15.

Jadual 4.8: *Post-test* keseluruhan bagi Kanak-kanak A, C, dan D

Huruf / Perkataan	*Post-test* keseluruhan					
	Kanak A		Kanak C		Kanak D	
	Membaca	Menulis	Membaca	Menulis	Membaca	Menulis
i	5	5	5	5	5	5
a	5	5	5	5	5	5
u	5	5	5	5	5	5
e	2	4	5	5	5	5
o	5	5	5	5	5	5
satu	1	4	5	4	5	5
muka	1	4	5	4	4	5
susu	5	5	5	4	5	5
batu	3	4	5	4	5	5
mata	4	4	5	4	5	5
balik	1	4	5	3	5	5
buaya	4	4	5	3	5	5
kebab	2	4	5	3	2	5
betul	2	4	5	3	5	5
adik	1	4	2	3	5	5

Jadual 4.8 sambungan

zahir	3	4	5	3	5	5
waris	1	4	5	3	5	5
fitnah	3	4	5	2	5	5
geram	3	5	5	4	2	2
janji	1	4	5	3	2	5

Pengkaji menggunakan nombor sebagai penjelasan untuk ketiga kanak-kanak berdisleksia ini. Nombor yang dicatat oleh guru untuk setiap huruf dan perkataan adalah berpandukan dengan jadual yang disediakan oleh pengkaji (sila rujuk kepada Jadual 4.9). Berikut merupakan jadual nombor penjelasan untuk *post-test* keseluruhan.

Jadual 4.9: Jadual nombor penjelasan untuk bahagian membaca dan menulis

Nombor	Penjelasan untuk membaca	Penjelasan untuk menulis
1	• Tidak dapat membaca	• Tidak dapat menulis
2	• Salah membaca	• Salah menulis
3	• Dapat menyebut huruf, tetapi bunyi huruf tidak betul. • Dapat menggabungkan dua huruf menjadi suku kata.	• Dapat menulis tetapi cara menulis huruf tidak tepat atau terbalik.
4	• Dapat mengeja dengan bunyi huruf yang betul. • Tidak dapat menggabungkan dua suku kata menjadi perkataan.	• Dapat menulis dengan tepat tetapi tulisan tidak kemas,
5	• Dapat membaca huruf atau perkataan dengan tepat.	• Dapat menulis dengan tepat dan kemas.

Sesi 1 tidak termasuk dalam analisis ini kerana sesi 1 merupakan *pre-test.* Sesi 2, 5, 10, dan 14 juga tidak termasuk dalam analisis kerana sesi ini hanya mengandungi markah purata untuk *post-test*. Sesi 2 merupakan permulaan sesi rawatan nyanyian yang bakal diterima oleh kanak-kanak ini. Selepas mempelajari 5 huruf, kanak-kanak tersebut telah mempelajari perkataan baharu pada sesi 5. Huruf yang sudah dipelajari tidak akan diulang dan diuji lagi kerana huruf-huruf ini sudah diuji pada sesi 3, dan 4, bahagian *pre-test*. Pada sesi 5, mereka telah mempelajari perkataan baharu. Perkataan baharu ini telah diuji pada sesi 6, 7, 8, dan 9. Selepas mempelajari 5 perkataan, kanak-kanak tersebut telah mempelajari perkataan baharu lagi, iaitu pada sesi 10. Pada sesi 10 dan seterusnya, tahap perkataan semakin sukar untuk mereka mempelajari. Oleh itu, pada sesi 10 hingga 13, pengkaji telah membuat pertimbangan untuk mereka dengan mempelajari dan menguji 4 perkataan dahulu. Justeru itu, sesi 2, 5, 10, dan 14 tidak dimasukkan ke dalam analisis data kerana sesi tersebut tidak mempunyai markah *pre-test* untuk dikira sebagai markah purata pada sesi tersebut.

Berikut merupakan jumlah markah purata membaca dan menulis dari sesi 3 hingga 15 untuk Kanak-kanak A, B, C, dan D.

Jadual 4.10: Jumlah markah purata membaca bagi Kanak-kanak A dan B

Sesi	**Lagu**	**Markah Purata Membaca**			
		Kanak A		**Kanak B**	
		Pre-test	**Post-test**	**Pre-test**	**Post-test**
3	L1	66.5	100	66.5	100
4	L1	48.75	66	43.25	100
6	L1	100	80	100	100
7	L1	83.5	100	100	100

Jadual 4.8 sambungan

8	L1	100	100	75	100
9	L2	96.25	100	91.75	80
11	L2	0	100	100	100
12	L2	12.5	33	60	100
13	L2	10.67	100	79	100
15	L2	90	100	75	100
Jumlah Markah Purata		**608.17**	**879**	**790.5**	**980**

Pada bahagian *pre-test*, nilai markah purata Kanak-kanak A dan B menunjukkan tidak konsisten sepanjang sesi rawatan berlangsung. Ini menunjukkan bahawa mereka mudah lupa dengan huruf atau perkataan yang sudah dipelajari pada sesi yang lalu. Pada bahagian *post-test* pula, nilai markah purata kedua-dua kanak-kanak ini lebih konsisten berbanding dengan nilai markah purata *pre-test*. Hal ini menunjukkan kedua kanak-kanak berdisleksia ini dapat mengingati huruf atau perkataan yang baharu dipelajari. Selain itu, pada bahagian *pre-test,* Kanak-kanak A menunjukkan prestasi yang rendah dari sesi 11 hingga ke 13. Hal ini kerana Kanak-kanak A mudah lupa dengan sebutan bunyi huruf yang sudah dipelajari. Selain itu, Kanak-kanak A juga mempunyai masalah dalam mengenali bentuk huruf yang betul.

Jadual 4.11: Jumlah markah purata menulis bagi Kanak-kanak A dan B

Sesi	**Lagu**	**Markah Purata Menulis**			
		Kanak A		**Kanak B**	
		Pre-test	**Post-test**	**Pre-test**	**Post-test**
3	L1	100	65	95	99.5
4	L1	99.5	45	97.5	100
6	L1	30	30	70	66
7	L1	74	60	100	95
8	L1	72.33	60	95	95
9	L2	66.5	66	100	70
11	L2	20	90	55	90
12	L2	25	65	95	85
13	L2	48	60	61.67	70
15	L2	52	99	100	90
Jumlah Markah Purata		**587.33**	**640**	**869.17**	**860.5**

Markah purata bagi Kanak-kanak A dan B yang terdapat pada *pre-test* dan *post-test* menunjukkan tidak konsisten sepanjang sesi rawatan dilakukan. Mereka dapat menulis huruf dan perkataan. Markah yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 membuktikan bahawa mereka mempunyai masalah dalam menulis huruf dengan tepat. Sehubungan itu, mereka juga kurang memberikan perhatian ketika guru mengajar dan memberi demonstrasi cara menulis sebuah huruf dengan tepat. Pada *post-test*, kanak-kanak tersebut dapat mengingati cara menulis huruf yang tepat kerana huruf tersebut baharu dipelajari. Pada *pre-test* pula, mereka mudah

lupa dengan cara menulis huruf yang tepat. Oleh itu, markah purata yang diperolehi adalah tidak konsisten.

Jadual 4.12: Jumlah markah purata membaca bagi Kanak-kanak C dan D

Sesi	**Lagu**	**Markah Purata Membaca**			
		Kanak C		**Kanak D**	
		Pre-test	**Post-test**	**Pre-test**	**Post-test**
3	L1	100	100	100	100
4	L1	91.50	100	100	100
6	L1	100	100	100	100
7	L1	100	100	100	100
8	L1	100	100	100	100
9	L2	100	100	100	100
11	L3	90	100	100	100
12	L3	100	100	100	95
13	L3	100	100	100	100
15	L3	100	100	100	100
Jumlah Markah Purata		**981.50**	**1000**	**1000**	**995**

Secara keseluruhan, markah purata membaca untuk Kanak-kanak C dan D adalah konsisten dan statik sepanjang sesi rawatan ini dijalankan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka dapat membaca huruf dan perkataan dengan betul. Markah purata *pre-test* dan *post-test* untuk Kanak-kanak C dan D juga membuktikan bahawa mereka dapat mengingati huruf dan perkataan baharu yang sudah dipelajari.

Jadual 4.13: Jumlah markah purata menulis bagi Kanak-kanak C dan D

Sesi	**Lagu**	**Markah Purata Menulis**			
		Kanak C		**Kanak D**	
		Pre-test	**Post-test**	**Pre-test**	**Post-test**
3	L1	97.5	100	100	100
4	L1	98.50	96	100	100
6	L1	100	85	100	100
7	L1	98.50	100	97.5	90
8	L1	93.00	91	95.67	95
9	L2	98.75	100	100	100
11	L3	58	86	85	83
12	L3	86	88	100	97
13	L3	94.67	83	93.67	78
15	L3	100	97	100	87
Jumlah Markah Purata		**924.92**	**926**	**971.84**	**930**

Kanak-kanak C dan D menunjukkan markah purata menulis yang kurang statik pada bahagian *pre-test* dan *post-test*. Markah purata untuk kedua kanak-kanak ini tidak konsisten kerana mereka menulis huruf dengan kurang tepat atau tidak kemas. Oleh itu, markah mereka terdiri daripada campuran nilai nominal yang tidak konsisten, iaitu tinggi dan rendah.

T-test telah digunakan untuk menganalisis dua kumpulan kanak-kanak berdisleksia. *Mean* untuk kedua-dua kumpulan ini telah dikira terlebih dahulu. Jumlah markah purata untuk *pre-test* dan *post-test* telah ditambah, kemudian dibahagi dengan jumlah sesi yang telah dijalankan. Selepas itu, jawapan tersebut akan dibahagi 2 lagi kerana kedua-dua

markah purata *pre-test* dan *post-test* ditambah untuk mendapatkan jumlah markah purata keseluruhan.

Jadual 4.14: Jumlah markah purata membaca dan menulis untuk kedua-dua kumpulan

Kmpulan	Kanak	Membaca		Jumlah markah purata	Menulis		Jumlah markah purata
		Pre-test	*Post-test*		*Pre-test*	*Post-test*	
Tidak mempunyai asas fonik	A	608.17	879	1487.17	587.33	640	1227.33
	B	790.50	980	1770.5	869.17	860.50	1729.67
Mempunyai asas fonik	C	981.50	1000	1981.5	924.92	926	1850.92
	D	1000	995	1995	971.84	930	1901.84

Berdasarkan Jadual 4.12, Kanak-kanak A mendapat 1487.17 markah untuk membaca, manakala 1227.33 markah untuk menulis. Kanak-kanak B pula mendapat 1770.50 markah untuk membaca dan 1729.67 markah untuk menulis. Simbol untuk X_a mewakili *mean* untuk membaca, manakala X_b adalah *mean* untuk menulis. Berikut merupakan pengiraan *mean* membaca dan menulis untuk Kanak-kanak A dan B.

X_a = *Mean* untuk membaca

X_a Kanak-kanak A $= \frac{1487.14}{10}$

$= \frac{148.72}{2}$

$= 74.36$

X_a Kanak-kanak B $= \frac{1770.50}{10}$

$= \frac{177.1}{2}$

$= 88.53$

X_b = *Mean* untuk menulis

X_b Kanak-kanak A $= \frac{1227.33}{10}$ X_b Kanak-kanak B $= \frac{1729.67}{10}$

$= \frac{122.73}{2}$ $= \frac{172.97}{2}$

$= 61.37$ $= 86.48$

Berikut merupakan pengiraan *t-test* berserta dengan formula *mean differences* dan *t-test.* Simbol untuk *mean differences* adalah *MD* manakala untuk nilai t adalah *t.* N merupakan jumlah subjek yang terlibat.

Subjek No.	X_a	X_b	$D = (X_a - X_b)$	$d = (D - MD)$	d^2
A	74.36	61.37	13.00	5.40	29.16
B	88.53	86.48	2.05	-5.55	30.80
N = 2	$\sum X_a$ =162.89	$\sum X_b$ =147.85	$\sum D$ =15.10	$\sum d$ = 10.95	$\sum d^2$ = 59.96

$MD = \frac{\sum D}{N}$ $t = \frac{MD}{\sqrt{\frac{\sum d^2}{N(N-1)}}}$

$= \frac{15.10}{2}$ $= \frac{7.60}{\sqrt{\frac{59.96}{2(2-1)}}}$

$= 7.60$ $= \frac{7.60}{\sqrt{29.98}}$

$= \frac{7.60}{5.46}$

$= 1.40$

Nilai t untuk kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik adalah 1.40. Nilai t yang diperolehi oleh kumpulan ini berada di bawah nilai t dari had kepentingan, iaitu 2.78. Oleh itu, rawatan ini berkesan terhadap Kanak-kanak A dan B kerana nilai t yang diperoleh adalah di bawah nilai t dari had kepentingan, 2.78.

Untuk kumpulan yang mempunyai asas fonik pula, Kanak-kanak C telah dapat sebanyak 1981.50 markah untuk membaca, manakala 1850.92 markah untuk menulis. Kanak-kanak D pula mendapat 1995 markah untuk membaca dan 1901.84 markah untuk menulis. Simbol untuk X_a mewakili *mean* untuk membaca, manakal X_b adalah *mean* untuk menulis. Berikut merupakan pengiraan *mean* membaca dan menulis untuk Kanak-kanak C dan D.

X_a = *Mean* untuk membaca

X_a Kanak-kanak C $= \frac{1981.5}{10}$

$= \frac{198.15}{2}$

$= 99.10$

X_a Kanak-kanak D $= \frac{1995}{10}$

$= \frac{199.5}{2}$

$= 99.80$

X_b = *Mean* untuk menulis

X_b Kanak-kanak C $= \frac{1850.92}{10}$

$= \frac{185.10}{2}$

$= 92.55$

X_b Kanak-kanak D $= \frac{1901.84}{10}$

$= \frac{190.20}{2}$

$= 95.10$

Berikut merupakan pengiraan *t-test* yang bersertakan dengan formula *t-test* dan *mean differences*. Simbol untuk *mean differences* adalah *MD* manakala nilai t adalah *t.* N merupakan jumlah subject yang terlibat.

Subjek No.	X_a	X_b	$D = (X_a - X_b)$	$d = (D - MD)$	d^2
C	99.10	92.55	6.55	0.92	0.85
D	99.80	95.10	4.70	-0.93	0.86
N = 2	$\sum X_a$ =198.90	$\sum X_b$ =187.65	$\sum D$ =11.25	$\sum d$ = -0.01	$\sum d^2$ = 1.71

$MD = \frac{\sum D}{N}$

$= \frac{11.25}{2}$

= 5.63

$t = \frac{MD}{\sqrt{\frac{\sum d^2}{N(N-1)}}}$

$= \frac{5.63}{\sqrt{\frac{1.71}{2(2-1)}}}$

$= \frac{5.63}{\sqrt{0.86}}$

$= \frac{5.63}{0.93}$

= 6.05

Nilai t untuk kumpulan yang mempunyai asas fonik adalah 6.05. Nilai t yang diperolehi adalah melebihi nilai t dari had kepentingan, iaitu 2.78. Oleh itu, rawatan ini kurang berkesan terhadap Kanak-kanak C dan D kerana nilai t melebihi nilai t dari had kepentingan, 2.78.

4.3 Dapatan Kajian Kaedah Kualitatif

4.3.1 Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual dengan tiga orang guru di pusat pembelajaran tersebut. Guru yang bakal ditemu bual merupakan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu terhadap keempat kanak-kanak berdisleksia ini. Ketiga-tiga guru ini telah dinamakan sebagai Guru X, Guru Y, dan Guru Z. Pengkaji telah menjelaskan dan membuat interpretasi terhadap hasil temu bual daripada guru. Soalan temu bual boleh merujuk pada Jadual 3.4.

Kanak-kanak A, B, dan D telah memulakan kelas tuisyen di pusat pembelajaran pada bulan Julai 2019. Kanak-kanak C pula menerima program intervensi khas bermula pada bulan Julai 2019. Kelas tuisyen dan program intervensi khas adalah tidak sama. Program intervensi khas diadakan pada sesi pagi manakala kelas tuisyen diadakan pada sesi petang. Kanak-kanak berdisleksia yang terlibat dalam program intervensi khas telah menghadirkan diri dan mengikuti sesi pembelajaran pada setiap pagi dari hari Isnin sehingga ke hari Jumaat. Kanak-kanak berdisleksia yang terlibat dalam kelas tuisyen telah menghadiri ke pusat pembelajaran pada hari yang tertentu sahaja. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah menyusun waktu rawatan berdasarkan jadual yang disediakan oleh pihak guru.

Sebelum Kanak-kanak A bermula dengan kelas tuisyen, keadaan Kanak-kanak A adalah sangat lemah. Kanak-kanak A tidak dapat mengenal huruf. Cara penulisan huruf juga tidak tepat. Keadaan Kanak-kanak B adalah sama seperti Kanak-kanak A. Kanak-kanak B tidak dapat mengenal huruf. Keadaan ini menyebabkan Kanak-kanak B lemah dalam membaca, menulis, dan mengira. Bukan itu sahaja, Kanak-kanak A dan B juga mempunyai cara penulisan huruf yang sama, iaitu menulis huruf dari posisi dari bawah ke atas.

Kanak-kanak C dan D mempunyai asas dalam fonik. Kedua kanak-kanak ini tidak mempunyai banyak masalah dalam membaca. Mereka bukan sahaja dapat menyebut huruf dengan betul, malah mereka juga dapat menggabungkan sebutan huruf menjadi suku kata. Namun begitu, mereka mengalami kekeliruan dalam mengenali huruf "b", "d", "p", dan "q". Dari segi menulis pula, kedua kanak-kanak ini tidak mempunyai masalah dalam menulis huruf atau perkataan. Kanak-kanak D dapat menulis huruf dan perkataan dengan tepat dan kemas, tetapi lemah dalam mengeja huruf. Kanak-kanak C dapat mengeja huruf, tetapi penulisan huruf dan perkataan adalah kurang kemas.

Setelah menerima rawatan, perubahan Kanak-kanak A, B, C, dan D adalah kurang ketara. Hal ini kerana sesi rawatan hanya berlangsung dua kali seminggu. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini hanya menerima rawatan sebanyak dua kali seminggu. Pada masa yang sama, mereka juga menghadiri kelas tuisyen dan kelas intervensi mereka di pusat pembelajaran tersebut. Oleh itu, perubahan dan hasil pembelajaran mereka tidak dapat dikesan dengan secara efektif. Kesan perubahan dipengaruhi oleh penerimaan hasil pembelajaran daripada dua sumber iaitu dari sesi rawatan atau dari kelas tuisyen. Seterusnya, faktor yang menyebabkan kurang peningkatan dalam keempat kanak-kanak berdisleksia ini adalah mereka mempunyai daya ingatan yang lemah. Mereka mudah lupa dengan huruf dan perkataan yang sudah dipelajari. Sebagai contoh, Kanak-kanak A dapat mengingati perkataan "kuda" yang baharu dipelajari. Pada sesi yang seterusnya, apabila guru bertanya kepada Kanak-kanak A untuk membaca "kuda", kanak-kanak tersebut tidak dapat membaca perkataan "kuda".

Berdasarkan pendapat Guru Z, beliau mengulaskan bahawa sesi rawatan ini mungkin tidak dapat meningkatkan kemahiran menulis. Hal ini kerana kanak-kanak berdisleksia

hanya menulis sekali sahaja sepanjang sesi rawatan berlangsung. Beliau juga berpendapat bahawa terapi muzik dapat meningkatkan keyakinan seseorang kanak-kanak. Sesi rawatan ini memerlukan kanak-kanak berdisleksia untuk menyanyi dan bukan semua kanak-kanak bersedia untuk menyanyi depan orang. Oleh itu, terapi muzik dapat meningkatkan keyakinan seseorang. Selain itu, Guru X dan Y berpendapat bahawa hanya sesetengah kanak-kanak yang boleh menerima muzik untuk belajar. Sebagai contoh, Kanak-kanak A menunjukkan minat terhadap muzik dan dapat menerima penggunaan muzik dalam pembelajaran. Kanak-kanak B pula tidak dapat menyesuaikan diri untuk belajar dengan muzik. Kanak-kanak B lebih cenderung kepada teknik bermain sambil belajar.

Di samping itu, setelah menerima rawatan sebanyak 18 kali, Guru X, Y, dan Z berpendapat bahawa sesi rawatan ini kurang efektif. Guru Z mengulaskan faktor yang menyebabkan sesi rawatan kurang efektif adalah keempat kanak-kanak berdisleksia ini mengikut sesi rawatan dan kelas tuisyen pada masa yang sama. Walaupun waktu untuk menjalankan sesi rawatan dengan waktu kelas tuisyen adalah berbeza, mereka sering mengalami kekeliruan dengan sesi rawatan dan kelas tuisyen. Sekiranya sesi rawatan dan kelas tuisyen diasingkan, maka hasil untuk rawatan dapat ditinjau lebih jelas. Berasingan ini bermaksud, kanak-kanak berdisleksia hanya melibatkan diri dalam salah satu pembelajaran sahaja. Guru X dan Y pula menjelaskan punca yang menyebabkan sesi rawatan kurang berkesan adalah masa dan sesi rawatan tidak dijalankan dengan berterusan. Bagi permasalahan jadual masa, pengkaji menyesuaikan sesi rawatan dengan jadual masa yang ditetapkan oleh pihak guru. Sesi rawatan tidak dijalankan dengan berterusan kerana kanak-kanak yang menerima rawatan ini tidak dapat menghadirkan diri ke pusat pembelajaran. Hal ini demikian kerana kanak-kanak tersebut mempunyai hal yang tidak dapat dielakkan. Oleh

itu, pengkaji menangguhkan sesi rawatan sehingga mereka dapat menghadirkan diri ke pusat pembelajaran.

Seterusnya, ketiga guru-guru ini juga berpendapat bahawa penggunaan muzik untuk membantu kanak-kanak atau orang dewasa yang berdisleksia adalah bergantung kepada individu itu sendiri. Terdapat pelbagai jenis teknik dalam pembelajaran untuk disleksia. Penggunaan muzik merupakan salah satu teknik daripadanya. Sebahagian kanak-kanak dapat menggunakan muzik untuk membantu mereka dalam pembelajaran, manakala selebihnya tidak dapat atau kurang menerima kerana mereka akan berasa terganggu apabila menggunakan muzik semasa belajar.

Selain menemu bual guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu terhadap keempat kanak-kanak berdisleksia tersebut, pengkaji juga telah menemu bual ketua penilai pusat pembelajaran. Beliau bertanggungjawab untuk menilai kanak-kanak berdisleksia di pusat pembelajaran tersebut. Soalan khas telah disediakan kepada ketua penilai. Soalan temu bual boleh merujuk pada Jadual 3.4.

Menurut temu bual bersama ketua penilai, *Learning and Resource Centre of Dyslexia Association of Sarawak* telah beroperasi sejak tahun 2008. Pusat pembelajaran ini menyediakan perkhidmatan seperti kelas tuisyen khas dan program intervensi khas kepada kanak-kanak berdisleksia yang berasal dari Kuching dan sekitarnya. Kelas tuisyen khas ini dilaksanakan pada setiap hari, manakala program intervensi khas akan berlangsung selama tiga bulan. Program intervensi khas telah disediakan kepada mereka yang memerlukan melalui kerjasama bersama pihak Jabatan Pendidikan. Pelbagai aktiviti ko-kurikulum juga disediakan untuk membantu kanak-kanak dalam mengembangkan dan meningkatkan kemahiran mereka dari segi fizikal, social, dan peribadi. Selain itu, pengurusan dan

intervensi disleksia juga akan dilakukan setiap tahun bersama dengan kepakaran tempatan dan antarabangsa. Seterusnya, julat umur kanak-kanak berdisleksia yang mendaftar di pusat pembelajaran ini merangkumi umur 6 tahun sehingga 15 tahun.

Keempat kanak-kanak berdisleksia ini tidak di diagnosis secara klinikal oleh doktor. Oleh itu, tiada jawapan untuk keempat kanak-kanak berdisleksia ini sama ada mereka jenis *developmental dyslexia* atau *acquire dyslexia.* Dalam konteks ini, pengkaji dan Guru X, Y, dan Z membuat sebuah andaian bahawa keempat kanak-kanak berdisleksia ini menghadapi *Developmental Dyslexia.* Hal ini demikian kerana tiada pemberitahuan daripada pihak ibu bapa yang memberikan maklumat tentang keempat kanak-kanak berdisleksia ini mengalami sebarang kecederaan dalam otak.

Ciri-ciri yang terdapat pada keempat kanak-kanak berdisleksia ini adalah *mirror-image writing,* di mana huruf "b" dilihat atau ditulis menjadi huruf "d".



Gambar Rajah 4.5: Penulisan Kanak-kanak A pada sesi 17 dan 5

Gambar Rajah 4.5 merupakan hasil tulisan daripada Kanak-kanak A. Berdasarkan Gambar Rajah 4.5, untuk perkataan "mata", Kanak-kanak A telah menulis huruf "a" dengan cara posisi yang terbalik. Semasa menulis perkataan "adik", Kanak-kanak D telah menulis "adik" menjadi "abik". Setelah dibetulkan oleh guru, Kanak-kanak D telah membetulkan kesalahan penulisan perkataan "abik" menjadi "adik". Kanak-kanak B dan C kurang bermasalah pada bahagian menulis. Mereka hanya mengalami masalah dalam bahagian

membaca. Sebagai contoh, Kanak-kanak B membaca perkataan “batu” menjadi “bata” manakala Kanak-kanak C pula menbaca perkataan “adik” menjadi “daki”.

Jenis rawatan yang ditawar kepada keempat kanak-kanak berdisleksia ini bergantung pada keadaan mereka. Pihak ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memilih jenis rawatan untuk anak mereka. Selain itu, Dr. Ong sebagai pengerusi *Learning and Resource Centre of Dyslexia Association of Sarawak*, juga mencadangkan jenis rawatan yang sesuai untuk kanak-kanak berdisleksia sebelum mereka bermula pembelajaran di pusat pembelajaran tersebut. Hasil rawatan kanak-kanak berdisleksia selepas menerima program intervensi khas dan tuisyen ini adalah bergantung pada kanak-kanak itu tersendiri. Menurut ketua penilai, sesetengah kanak-kanak berdisleksia ini memerlukan perlanjutan program intervensi setelah tamat daripada tiga bulan program intervensi.

Penilaian telah dilaksanakan setelah kanak-kanak berdisleksia dirujuk oleh doktor bagi penilaian komprehensif pada masa akan datang. Pusat pembelajaran ini telah menyediakan empat set penilaian iaitu DEST *(Dyslexia Early Screening Test)*, DSTJ *(Dyslexia Scrrening Test-Junior)*, DSTS *(Dyslexia Screening Test-Secondary)*, dan DAST *(Deslexia Adult Screening Test)* bersama dengan beberapa ujian tambahan yang disediakan oleh Dr. Ong. Secara umumnya, penilaian ini merupakan ujian kecil dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Menurut ketua penilai pusat pembelajaran, sekiranya kanak-kanak yang bakal menerima rawatan ini berada dalam kumpulan terkawal sahaja, maka terapi muzik sesuai digunakan untuk membantu merawat kanak-kanak berdisleksia khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Hal ini bermaksud kanak-kanak berdisleksia tersebut hanya akan menjalani kaedah terapi muzik, dan tidak menggunakan kaedah yang lain. Terapi muzik

merupakan salah satu terapi yang bermanfaat untuk membantu orang keperluan dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, tidak semua orang dapat menerima terapi muzik sebagai keperluan rawatan kerana masing-masing mempunyai pemilihan teknik pembelajaran tersendiri. Sebahagian orang dapat menerima pembelajaran melalui keadah muzik. Terdapat juga sebahagian orang yang belajar melalui kaedah visual. Lantaran itu, kesesuaian terapi muzik adalah bergantung kepada mereka dalam pemilihan teknik pembelajaran.

4.3.2 Pemerhatian Melalui Penglibatan

Pengkaji telah melibatkan diri dalam setiap sesi untuk mencatat dan memantau perkembangan Kanak-kanak A, B, C, dan D. Selain memantau perkembangan mereka, pengkaji juga dapat mengikuti proses dan terlibat secara peribadi untuk lebih memahami keadaan serta situasi yang dihadapi oleh kanak-kanak berdisleksia ini. Berikut merupakan laporan untuk setiap sesi rawatan Kanak-kanak A, B, C, dan D. Laporan ini mengandungi catatan daripada pihak guru dan catatan hasil daripada pemerhatian melalui penglibatan oleh pengkaji semasa sesi rawatan dilakukan. Laporan ini juga mengulaskan perkembangan Kanak-kanak A, B, C, dan D dari sesi 2 hingga sesi 19.

4.3.2.1 Kanak-kanak A

Sesi 2

Aktiviti :

1. Memperkenalkan huruf "a" dan "e".
2. Menyanyikan huruf "a" dan "e" dengan lagu.
3. Menulis huruf "a" dan "e".
4. *Post-test* huruf "a" dan "e".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Sebelum ini, Kanak-knak A belum pernah mempelajari huruf "e" dan tidak mengalami masalah dalam menyebut huruf "a". • Kanak-kanak A boleh mengikuti sesi dengan baik. • Kanak-kanak A juga mengetahui perbezaan huruf semasa mengeja tetapi mempunyai kesalahan sebutan huruf "a". Kanak-kanak A menyebut huruf "a" dalam sebutan huruf "e".
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A boleh menyebut dan menulis huruf "a" dan "e" dengan baik.

Sesi 3

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "i" dan "o".
3. Menyanyikan huruf "i" dan "o" dengan lagu.
4. Menulis huruf "i" dan "o".
5. *Post-test* huruf "i" dan "o".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A dapat menyanyi dengan baik semasa rawatan berlangsung. • Kanak-kanak A mempunyai kekeliruan pada huruf "e" pada mulanya semasa menulis.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat menyebut dan menulis huruf "a" dengan baik. • Kanak tersebut melakukan kesilapan dalam menyebut huruf "e" dalam bunyi bahasa Inggeris. Kanak-kanak A dapat menulis huruf "e". • Kanak-kanak A mengalami masalah dalam membezakan huruf "i" untuk sebutan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak A juga dapat menyebut dan menyanyikan huruf "i" dan "o".

Sambungan hasil aktiviti Sesi 3

	• Ketika guru menguji dengan huruf "i" dan "o", Kanak-kanak A tidak dapat menyebut kedua-dua huruf "i" dan "o". Oleh itu, kedua-dua huruf ini telah dinyanyikan sekali lagi dengan lagu bersertakan *hand gesture*. • Bagi *post-test*, Kanak-kanak A masih keliru dengan huruf "e" dan "i" (untuk sebutan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris).

Sesi 4

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "u".
3. Menyanyikan huruf "u" dengan lagu.
4. Menulis huruf "u".
5. *Post-test* huruf "u".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A belum dapat menulis huruf "u" dengan betul walaupun contoh telah diberikannya.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A boleh menyebut huruf "a", "e" dan "o", tetapi tidak dapat menyebut (lupa) huruf "i". • Kanak-kanak A belum lagi mengenali huruf "u". • Kanak-kanak A dapat menyebut dan menyanyi huruf "u". Dapat menulis huruf "u", tetapi tulisan huruf adalah kurang tepat dan kemas. • Mengalami kekeliruan dengan bunyi huruf Bahasa Inggeris "i" dan Bahasa Melayu "e". • Kanak-kanak A telah menulis huruf "u" dalam posisi yang terbalik semasa *post-test* dilakukan

Sesi 5

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “mata”.
2. Menyanyikan suku kata “ma”, “ta”, dan perkataan “mata” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “ma”, “ta”, dan perkataan “mata”.
4. *Post-test* perkataan “mata”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A boleh membaca perkataan “mata”, tetapi menulis huruf “a” secara posisi yang terbalik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat menyebut, menyanyi dan menulis huruf “m”, “a”, “t”, serta membaca suku kata “ma”, “ta”, dan perkataan “mata”.

Sesi 6

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan mata.
2. Memperkenalkan perkataan “batu”.
3. Menyanyikan suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu”.
5. *Post-test* perkataan “batu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A tidak dapat mengingati sebutan bagi huruf “e”, “i” dan “u”. • Kanak-kanak A memberi kerjasama sepanjang sesi berlangsung dan berminat untuk belajar melalui kaedah muzik. • Kanak-kanak A menulis huruf “b” dari arah bawah ke atas).
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat mengenal pasti perkataan “mata”. • Sebelum sesi bermula, Kanak-kanak A menjalankan sesi mengulang kaji untuk huruf vokal. Kanak-kanak A dapat membaca huruf “a”, dan “o” dan tidak dapat menyebut huruf “e” dan “i”.Huruf “u” di ucapkan dalam sebutan Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak A dapat membaca huruf “b”, “a”, “t”, “u” serta suku kata “ba”, dan “tu” dengan betul. • Ketika menyanyi, Kanak-kanak A kelihatan kurang memberikan tumpuan kepada *flashcard* kerana dia bermain dengan alat pemadamnya dan akibatnya membaca sebutan “batu” menjadi “bata”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 6

	• Kanak-kanak A sering menyebut huruf "u" dalam bunyi Bahasa Inggeris. • Semasa *post-test*, Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis perkataan "batu".

Sesi 7

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "mata" dan "batu".
2. Memperkenalkan perkataan "susu".
3. Menyanyikan suku kata "su", "su", dan perkataan "susu" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "su", "su", dan perkataan "susu".
5. *Post-test* perkataan susu.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanakanak A boleh mengikuti sesi dengan baik. • Kanak tersebut tidak mengingat sebutan bunyi huruf "s" dan "u".
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis perkataan "mata", tidak dapat membaca perkataan "batu" tetapi dapat menulis perkataan tersebut. • Kanak-kanak A dapat menyebut, membaca, menyanyi dan menulis huruf "s", "u", serta suku kata "su" dan perkataan "susu", cara menulis huruf "u" dan "s" adalah tidak tepat. • Kanak-kanak A dapat memberi tumpuan dengan *flashcard*. • Kanak-kanak A juga dapat membaca dan menulis perkataan "susu".

Sesi 8

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu” dan “susu”.
2. Memperkenalkan perkataan “muka”.
3. Menyanyikan suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka”.
5. *Post-test* perkataan “muka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Pada permulaan *pre-test,* kanak tersebut lupa suku kata “ba”. • Kanak-kanak A boleh mengikuti sesi dengan baik. • Cara Kanak-kanak A menulis huruf “u” perlu diperbaiki.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis perkataan “mata”, “batu” dan “susu” dengan tepat. • Kanak-kanak A juga dapat membaca, menyanyi dan menulis huruf “m”, “u”, “k”, “a”, suku kata “mu”, “ka” dan perkataan “muka”. • Kanak tersebut melakukan kesilapan dalam baca suku kata “ka” kepada “cha” atau “ta”. • Kanak-kanak A menulis perkataan “muka” dengan penuh kesabaran.

Sesi 9

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka.
2. Memperkenalkan perkataan “satu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu”.
5. *Post-test* perkataan “satu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Bagi *pre-test,* Kanak-kanak A tidak dapat mengingati cara untuk membaca perkataan “muka”. • Kanak-kanak A tidak memberikan tumpuan dan bermain-main ketika sesi berlangsung.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Sebelum *pre-test* dijalankan, guru menolong Kanak-kanak A untuk mengulang kaji huruf vokal “a”, “e”, “i”, “o” dan “u”. Kanak-kanak A dapat mengenal pasti huruf “a”, “o” dan “u” tetapi tidak dapat mengingati huruf “i”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 9

	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis perkataan "mata", "batu" dan "susu" dengan tepat. Pada mulanya, Kanak-kanak A tidak dapat mengingati perkataan "muka". Setelah guru menyanyi lagu dengan suku kata "mu" dan "ka" sebagai lirik, kanak A dapat mengingati kembali dan dapat membaca suku kata "mu" dan "ka". Namun begitu, Kanak-kanak A tidak dapat menggabungkan kedua-dua suku kata menjadi "muka". • Kanak-kanak A dapat membaca, menyanyi dan menulis huruf "s", "a", "t", 'u", serta suku kata "sa", "tu" dan perkataan "satu". • Kanak-kanak A sering menulis huruf "a" menjadi "u" dan "u" menjadi "a".

Sesi 10

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "kayu".
2. Menyanyikan suku kata "ka", "yu", dan perkataan "kayu" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "ka", "yu", dan perkataan "kayu".
4. *Post-test* perkataan "kayu".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Sebelum sesi bermula, Kanak-kanak A mengalami kesukaran dalam mengingati bunyi huruf "k" dan "y". • Kanak-kanak A boleh mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat membaca, menyanyi dan menulis huruf "k", "a", "y", "u", serta suku kata "ka", "ya", dan perkataan "kayu. • Kanak-kanak A tidak dapat menggabungkan huruf "y" dan "u" menjadi suku kata "yu". • Kanak-kanak A tidak dapat menggabungkan suku kata "ka" dan "yu" menjadi "kayu". • Kanak-kanak A mudah lupa bunyi huruf "k" dan "y". • Cara menulis huruf "y" dan "u" adalah tidak tepat.

Sesi 11

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kayu”.
2. Memperkenalkan perkataan “sayu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “yu”, dan perkataan “sayu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “yu”, dan perkataan “sayu”
5. *Post-test* perkataan “sayu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A dapat memberi kerjasama yang baik semasa sesi dilaksanakan. • Kanak-kanak A boleh menyanyi dengan suara yang jelas. • Kanak-kanak A menulis huruf “s” dari arah atas ke bawah. • Kanak-kanak A tidak mengetahui cara untuk menulis huruf “y”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan “kayu”. • Kanak-kanak A dapat membaca huruf “s”, “a”, ‘y”, “u”, serta suku kata “sa”, “yu” dan perkataan “sayu”. • Setelah guru mengajar cara menulis “s”, “a” dan “u” yang betul, kanak tersebut dapat menulis dengan baik. • Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis huruf “y” dengan betul. • Kanak-kanak A dapat membaca dan menulis perkataan “sayu” pada akhir sesi.

Sesi 12

Aktiviti :

- *Pre-test* untuk perkataan “kayu” dan “sayu”.
- Memperkenalkan perkataan “bantu”.
- Menyanyikan suku kata “ban”, “tu”, dan perkataan “bantu” dengan lagu.
- Menulis suku kata “ban”, “tu”, dan perkataan “bantu”.
- *Post-test* perkataan “bantu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A tidak pasti cara menulis huruf “y” dengan betul. • Kanak-kanak A dapat menyanyi dengan baik. • Pada akhir sesi, Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan “bantu” dengan betul dan membaca perkataan tersebut menjadi “batu”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 12

Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan "sayu" dan membaca perkataan tersebut menjadi "susu". Kanak tersebut lupa cara menulis huruf "y" yang betul. • Kanak-kanak A dapat menggabungkan huruf "b" dan "a" menjadi suku kata "ba". • Kanak-kanak A kurang bersemangat untuk sesi ini dan kelihatan agak letih. • Cara menulis huruf "b", "a", "n" dan "u" adalah tidak tepat. • Kanak-kanak A membaca perkataan "bantu" menjadi "batu" pada *post-test*.

Sesi 13

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "kayu", "sayu" dan "bantu".
2. Memperkenalkan perkataan "bumi".
3. Menyanyikan suku kata "bu", "mi", dan perkataan "bumi" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "bu", "mi", dan perkataan "bumi".
5. *Post-test* perkataan "bumi".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A kurang memberikan perhatian semasa sesi dijalankan. • Kanak-kanak A tidak mengetahui teknik yang tepat untuk menulis huruf "b" dan "u". • Kanak-kanak A mudah lupa dengan suku kata yang sudah dipelajari walaupun hanya dalam tempoh beberapa minit.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan "kayu", "sayu" dan "bantu". Kanak tersebut dapat menulis perkataan-perkataan ini, tetapi cara menulis huruf adalah terbalik. Perkataan "bantu" ditulis menjadi "batu". • Kanak-kanak A dapat menyanyi, membaca dan menulis huruf "b", "u", "m", "i", suku kata "bu", "mi" dan perkataan "bumi". • Kanak-kanak A dapat berinteraksi baik dengan guru. • Kanak-kanak A mengambil masa untuk menggabungkan suku kata "bu" dan "mi menjadi perkataan "bumi".

Sesi 14

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “kuda”.
2. Menyanyikan suku kata “ku”, “da”, dan perkataan “kuda” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “ku”, “da”, dan perkataan “kuda”.
4. *Post-test* perkataan “kuda”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A dapat mengikut sesi dengan baik. • Kanak-kanak A memberikan perhatian semasa pembelajaran suku kata. • Kanak-kanak A tidak mengetahui cara menulis huruf “d” yang tepat menulis huruf “d” menjadi “b”. • Kanak-kanak A tidak memberikan tumpuan ketika mempelajari suku kata “ku” dan “da” digabungkan.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A dapat menyanyi, membaca dan menulis huruf “k”, “u”, “d”, “a”, serta suku kata “ku”, “da” dan perkataan “kuda”. • Cara menulis huruf “k” dan “u” adalah tepat. • Kanak-kanak A menulis huruf “u” dalam posisi yang terbalik.

Sesi 15

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda”.
2. Memperkenalkan perkataan “luka”.
3. Menyanyikan suku kata “lu”, “ka”, dan perkataan “luka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “lu”, “ka”, dan perkataan “luka”.
5. *Post-test* perkataan “luka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Pada awal sesi, Kanak-kanak A agak sukar untuk mengikuti sesi. Namun begitu, kanak-kanak A dapat memberikan tumpuan pada pertengahan sesi berjalan.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak A boleh mengikuti sesi dengan baik. • Cara menulis huruf “k” dan “b” adalah tepat. • Kanak-kanak A menulis huruf “d” menjadi “b”. • Cara menulis huruf “a” adalah tidak tepat.

Sesi 16

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda” dan “luka”.
2. Memperkenalkan perkataan “beli”.
3. Menyanyikan suku kata “be”, “li”, dan perkataan “beli” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “be”, “li”, dan perkataan “beli”.
5. *Post-test* perkataan “beli”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A tidak dapat memberikan perhatian semasa menyanyi. • Kanak-kanak A boleh mengikuti pembelajaran suku kata dengan baik. • Kanak-kanak A kurang mahir menulis huruf “e”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan “kuda” dan “luka”. • Cara menulis huruf “b” adalah tidak tepat. • Kanak-kanak A dapat menggabungkan suku kata “be” dan “li” menjadi perkataan “beli”. • Kanak-kanak A menulis perkataan “beli” menjadi “beil”.

Sesi 17

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda”, “luka” dan “beli”.
2. Memperkenalkan perkataan “bapa”.
3. Menyanyikan suku kata “ba”, “pa”, dan perkataan “bapa” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ba”, “pa”, dan perkataan “bapa”.
5. *Post-test* perkataan “beli”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A dapat mengikuti sesi dengan baik. • Kanak-kanak A mudah lupa dengan sebutan dan bunyi huruf yang baharu dipelajari. • Huruf “a” disebut menjadi bunyi huruf “a” dalam Bahasa Inggeris.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, kanak tersebut tidak dapat membaca perkataan “kuda”, “luka” dan “beli”. • Kanak-kanak A dapat membaca, menyanyi serta menulis suku kata “ba”, “pa” dan perkataan “bapa”. • Kanak-kanak A menyebut huruf “a” menjadi bunyi huruf “a” dalam Bahasa Inggeris. • Cara Kanak-kanak A menulis suku kata “ba” dan “pa” adalah tidak tepat.

Sesi 18

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda”, “luka”, “beli” dan “bapa”.
2. Memperkenalkan perkataan “jari”.
3. Menyanyikan suku kata “ja”, “ri”, dan perkataan “jari” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ja”, “ri”, dan perkataan “jari”.
5. *Post-test* perkataan “jari”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak A tidak memberikan tumpuan pada sesi ini. • Tulisan Kanak-kanak A perlu diperbaiki.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan “kuda”, “luka”, “beli” dan “bapa”. • Kanak-kanak A dapat menulis keempat perkataan ini, tetapi cara penulisan huruf adalah tidak tepat. • Kanak-kanak A dapat membaca dan menyanyikan suku kata “ja”, “ri”, serta perkataan “jari”. • Cara menulis perkataan “jari” adalah kurang tepat. • Kanak-kanak A dapat membaca “jari” pada akhir sesi.

Sesi 19

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda”, “luka”, “beli”, “bapa” dan “jari”.
2. Memperkenalkan perkataan “adik”.
3. Menyanyikan suku kata “dik” dan perkataan “adik” dengan lagu.
4. Menulis huruf “a”, suku kata “dik”, dan perkataan “adik”
5. *Post-test* perkataan “adik”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Ingatan Kanak-kanak A hanya mampu menyimpan maklumat untuk jangka pendek. Guru memberikan andaian bahawa faktor kurangnya latihan atau membaca di rumah. • Tulisan Kanak-kanak A masih tidak kemas.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak A tidak dapat membaca perkataan “kuda”, “luka”, “beli”, “bapa” dan “jari”. • Kanak-kanak A dapat membaca dan menyanyi suku kata “dik”, serta perkataan “adik”. • Kanak-kanak A dapat membaca “adik” pada akhir sesi.

4.3.2.2 Kanak-kanak B

Sesi 2

Aktiviti :

1. Memperkenalkan huruf "a" dan "e".
2. Menyanyikan huruf "a" dan "e" dengan lagu.
3. Menulis huruf "a" dan "e".
4. *Post-test* huruf "a" dan "e".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B mempunyai kesukaran untuk mengikuti pengerakan tangan (*hand gesture).*
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kana-kanak B dapat menyebut, menyanyi serta menulis huruf "a" dan "e" dengan baik. • Kanak-kanak B dapat mengikuti arahan yang diberikan oleh guru.

Sesi 3

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "i" dan "o".
3. Menyanyikan huruf "i" dan "o" dengan lagu.
4. Menulis huruf "i" dan "o".
5. *Post-test* huruf "i" dan "o".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B dapat menyebut huruf "i" dan "o". • Penglibatan Kanak-kanak B adalah aktif dan boleh memberi kerjasama yang baik dengan guru.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B melibatkan diri secara aktif dan bersemangat berbanding sesi yang lalu. • Kanak-kanak B dapat menyebut dan menulis huruf "a". • Kanak-kanak B mengalami kekeliruan dalam membunyikan huruf "e" dalam Bahasa Malayu dan Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak B dapat menyebut, menyanyi serta menulis huruf "i" dan "o". • Cara menulis huruf "i" adalah tidak tepat.

Sesi 4

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "u".
3. Menyanyikan huruf "u" dengan lagu.
4. Menulis huruf "u".
5. *Post-test* huruf "u".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B terlibat secara aktif dalam aktiviti dan banyak berdialog. • Kanak-kanak B lupa atau keliru dengan sebutan bunyi huruf dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak B bersemangat untuk menulis dan menyanyi dan dapat mengingti bentuk huruf pada akhir sesi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat menyebut serta menulis huruf "a" dan "o". Kanak tersebut tidak dapat menyebut huruf "e" dan "i", tetapi boleh menulis kedua-dua huruf ini. • Kanak-kanak B dapat menyanyi, menyebut dan menulis huruf "u".

Sesi 5

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "mata".
2. Menyanyikan suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata".
4. *Post-test* perkataan "mata".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B berkelakuan *hyperactive* sebelum dan semasa sesi berlangsung. • Kanak-kanak B kurang memberikan kerjasama semasa sesi berjalan. • Kanak-kanak B dapat mengikuti ajaran yang diberikan oleh guru, tetapi penglibatan Kanak B terlalu aktif sehingga melakukan kesilapan dalam aktiviti membaca. • Kanak-kanak B mengambil masa yang lama ketika menulis.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "m", "a", "t", suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata".

Sesi 6

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan mata.
2. Memperkenalkan perkataan “batu”.
3. Menyanyikan suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu”.
5. *Post-test* perkataan “batu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B mempunyai masalah untuk membaca sendiri. • Kanak-kanak B dapat mengikuti sesi dengan baik. • Kanak-kanak B mempunyai masalah untuk menulis huruf “u”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca dan menulis perkataan “mata”. • Kanak-kanak B dapat membaca huruf “b”, “a”, “t”, “u”, suku kata “ba”, dan “tu” dengan betul. • Kanak-kanak B melakukan kesilapan dalam membaca perkataan “batu” menjadi “bata”. • Cara menulis huruf “i” adalah tidak tepat.

Sesi 7

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata” dan “batu”.
2. Memperkenalkan perkataan “susu”.
3. Menyanyikan suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu”.
5. *Post-test* perkataan susu.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B bersemangat dan memberikan kerjasama semasa sesi berlangsung. • Kanak-kanak B mengambil masa ketika menulis. Walaupun huruf dan perkataan ditulis dengan tepat, tetapi hasil tulisan adalah kurang kemas. • Huruf “s” ditulis secara posisi terbalik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca serta menulis perkataan “mata” dan “batu”. • Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “s”, “u”, suku kata “su” dan perkataan “susu”.

Sesi 8

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu” dan “susu”.
2. Memperkenalkan perkataan “muka”.
3. Menyanyikan suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka”.
5. *Post-test* perkataan “muka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B boleh mengikuti sesi dengan baik. • Kanak-kanak B membaca secara sesuka hati tanpa melihat *flashcard.* • Kanak-kanak B boleh membaca perkataan “muka” dengan betul.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak B dapat membaca serta menulis perkataan “mata” dan “susu”. Kanak tersebut membaca “batu” menjadi “bata”. • Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “m”, “u”, “k”, “a”, suku kata “mu”, “ka” dan perkataan “muka”.

Sesi 9

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka.
2. Memperkenalkan perkataan “satu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu”.
5. *Post-test* perkataan “satu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B dapat menyebut huruf dengan sebutan yang betul. • Kanak-kanak B mengalami kesukaran dalam mengikuti rima muzik. • Kanak-kanak B mempunyai masalah dalam membaca suku kata “tu”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak B dapat membaca serta menulis perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka” dengan tepat. • Kanak tersebut dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “s”, “a”, “t”, ‘u”, suku kata “sa”, “tu” dan perkataan “satu”. • Kanak tersebut kurang memberikan tumpuan semasa sesi berlangsung.

Sesi 10

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “kayu”.
2. Menyanyikan suku kata “ka”, “yu”, dan perkataan “kayu” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “ka”, “yu”, dan perkataan “kayu”.
4. *Post-test* perkataan “kayu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B boleh mengikuti sesi dengan baik, aktif dan memberi kerjasama sepanjang sesi berlangsung. • Kanak-kanak B melakukan kesilapan dalam menyebut huruf “y” (yeh) menjadi “y” (yeah). • Kanak B melakukan kesilapan dalam menulis huruf “y” dengan tepat.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Sebelum sesi bermula, pengkaji membantu Kanak tersebut untuk mengulang kaji perkataan “susu”, “batu”, “mata” dan “muka”. • Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “k”, “a”, “y”, “u”, suku kata “ka”, “ya”, dan perkataan “kayu. • Pada akhir sesi, Kanak-kanak B dapat membaca huruf “y” dan perkataan ‘kayu”.

Sesi 11

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kayu”.
2. Memperkenalkan perkataan “sayu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “yu”, dan perkataan “sayu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “yu”, dan perkataan “sayu”.
5. *Post-test* perkataan “sayu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B tidak dapat membaca suku kata “sa”, dan mengalami kesukaran dalam membaca perkataan “sayu”. • Kanak tersebut dapat mengikuti rentak lagu. • Kanak-kanak B mempunyai masalah dalam menulis huruf “y”, “a” dan “u” dengan tepat. • Kanak-kanak B masih mempunyai masalah dalam membaca perkataan “sayu”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 11

Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca perkataan “kayu”. • Kanak-kanak B dapat baca huruf “s”, “a”, ‘y”, “u”, suku kata “sa”, “yu” dan perkataan “sayu”. • Kanak-kanak B melakukan kesilapan dalam membaca “sayu” di mana sebutan menjadi “kayu”.

Sesi 12

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kayu” dan “sayu”.
2. Memperkenalkan perkataan “bantu.”
3. Menyanyikan suku kata “ban”, “tu”, dan perkataan “bantu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ban”, “tu”, dan perkataan “bantu”.
5. *Post-test* perkataan “bantu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B tidak dapat membaca perkataan “bantu”. • Kanak tersebut mengalami kesukaran dalam mengikut rentak lagu semasa menyanyi suku kata “ban”. • Kanak-kanak B dapat mengikut rentak lagu semasa menyanyikan suku kata “tu”. • Kanak-kanak B tidak dapat membaca perkataan “bantu”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B tidak dapat membaca perkataan “kayu”. Kanak B dapat membaca perkataan “sayu” tetapi cara menulis huruf “y” adalah tidak tepat. • Kanak-kanak B mempunyai kesukaran dalam menggabungkan suku kata “ba” dan “n” untuk dijadikan gabungan “ban”. • Dalam selang beberapa waktu, cara Kanak-kanak B menulis huruf “n” adalah tidak tepat.

Sesi 13

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kayu”, “sayu” dan “bantu”.
2. Memperkenalkan perkataan “bumi”.
3. Menyanyikan suku kata “bu”, “mi”, dan perkataan “bumi” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “bu”, “mi”, dan perkataan “bumi”.
5. *Post-test* perkataan “bumi”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B mempunyai masalah dalam membaca perkataan “kayu”, “sayu” dan “bantu”. • Kanak-kanak B dapat membaca suku kata “bu”. • Kanak tersebut mengalami kesukaran untuk menulis huruf “u” dengan tepat. • Kanak-kanak B dapat mengikut rentak tanpa lagu, tetapi mempunyai kesukaran untuk mengikut rentak lagu semasa menyanyi bersama-sama dengan lagu.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test,* Kanak-kanak B membaca perkataan “kayu” menjadi “katu”, “sayu” menjadi “satu” dan “bantu” menjadi “batu”. Kanak tersebut dapat menulis ketiga-tiga perkataan ini tetapi cara menulis huruf dan perkataan adalah tidak tepat. • Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “b”, “u”, “m”, “i”, suku kata “bu”, “mi” dan perkataan “bumi”. • Kanak-kanak B dapat memberikan perhatian semasa guru mengajar. • Kanak-kanak B mempunyai peningkatan dalam menulis. Kanak tersebut dapat menulis “bumi” dengan kemas.

Sesi 14

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “kuda”.
2. Menyanyikan suku kata “ku”, “da”, dan perkataan “kuda” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “ku”, “da”, dan perkataan “kuda”.
4. *Post-test* perkataan “kuda”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B dapat mengenal pasti suku kata “ku”. • Kanak-kanak B tidak dapat membaca suku kata “da” dengan sendiri. • Kanak-kanak B mengalami kekeliruan dalam mengenali huruf “b” dan “d”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “k”, “u”, “d”, “a”, suku kata “ku”, “da”, dan perkataan “kuda”. • Kanak-kanak B melakukan kesilapan dalam membaca huruf “d” di mana sebutan berubah menjadi “b’.

Sesi 15

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “kuda”.
2. Memperkenalkan perkataan “luka”.
3. Menyanyikan suku kata “lu”, “ka”, dan perkataan “luka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “lu”, “ka”, dan perkataan “luka”.
5. *Post-test* perkataan “luka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak B dapat membaca suku kata “ku”. • Kanak tersebut mengalami kekeliruan dengan suku kata ‘da” dan “ba”. • Kanak tersebut mempunyai masalah dalam membaca suku kata “lu”. • Kanak-kanak B dapat mengikuti rentak lagu. • Kanak tersebut tidak dapat menulis huruf “u” dengan tepat.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak B dapat membaca perkataan “kuda”. Pada awalnya, huruf “d” dibaca menjadi sebutan huruf “b”. • Kanak-kanak B dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “l”, “u”, “k”, “a”, suku kata “lu”, “ka” dan perkataan “luka”. • Kanak tersebut mempunyai kesukaran dalam menggabungkan suku kata “lu” dan “ka”. • Cara menulis huruf “k” adalah tidak tepat.

4.3.2.3 Kanak-kanak C

Sesi 2

Aktiviti :

1. Memperkenalkan huruf “a” dan “e”.
2. Menyanyikan huruf “a” dan “e” dengan lagu.
3. Menulis huruf “a” dan “e”.
4. *Post-test* huruf “a” dan “e”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C kurang memberikan tumpuan semasa sesi dijalankan dan tidak menyanyi semasa lagu dimainkan. • Kanak tersebut tidak dapat duduk dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C kurang memberikan perhatian kepada guru ketika guru tersebut mengajarkan huruf “a” dan “e”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 1

	• Kanak-kanak C kurang berinteraksi dengan guru dan bersikap pasif. • Pada awalnya, Kanak-kanak C tidak menyanyikan huruf "a" dengan lagu. Apabila pengkaji memainkan lagu kali kedua, Kanak-kanak C tersenyum dan mula membuat pergerakan sendiri. Kali tetiga pula, Kanak tersebut menyanyi huruf "a" dengan mengikuti muzik lagu. • Kanak-kanak C dapat menyebut dan menyanyi huruf "e".

Sesi 3

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "i" dan "o".
3. Menyanyikan huruf "i" dan "o" dengan lagu.
4. Menulis huruf "i" dan "o".
5. *Post-test* huruf "i" dan "o".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-knak C dapat mengingati bunyi huruf yang dipelajari pada sesi lalu. • Kanak-kanak C boleh menulis huruf dengan tepat, tetapi cenderung untuk menulis huruf dari arah bawah ke atas. • Kanak-kanak C berminat akan sesi yang melibatkan muzik. • Kanak-kanak C berkelakuan agak malu di hadapan kamera.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat menyebut serta menulis huruf "a" dan "e" dengan baik. • Kanak-kanak C kelihatan gembira dan bersemangat pada sesi ini. • Kanak-kanak C dapat menyebut, menyanyi serta menulis huruf "i" dan "o".

Sesi 4

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a", "e", "i" dan "o").
2. Memperkenalkan huruf "u".
3. Menyanyikan huruf "u" dengan lagu.
4. Menulis huruf "u".
5. *Post-test* huruf "u".

	Hasil aktiviti
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C boleh mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis huruf "a", "e", "i" dan "o". • Kanak-kanak C dapat menyebut, menyanyi serta menulis huruf "u" dengan baik.

Sesi 5

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "mata".
2. Menyanyikan suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata".
4. *Post-test* perkataan "mata".

	Hasil aktiviti
Catatan daripada guru	• Sebelum guru mengajarkan perkataan "mata", kanak tersebut dapat membacakan perkataan "mata". • Kanak-kanak C dapat membaca suku kata "ma" dan "ta" dengan baik. • Suara kanak tersebut agak lembut dan perlahan. • Kanak-kanak C dapat membaca dan mengeja.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "m", "a", "t", suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata". • Kanak-kanak C dapat berinteraksi baik dengan guru.

Sesi 6

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan mata.
2. Memperkenalkan perkataan “batu”.
3. Menyanyikan suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ba”, “tu”, dan perkataan “batu”.
5. *Post-test* perkataan “batu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C menulis huruf “b” bermula dari arah bawah ke atas. • Kanak-kanak C dapat membaca suku kata dan menulis dengan baik, tetapi tulisan kurang kemas. • Kanak-kanak C kurang berminat untuk mengikut rentak lagu ketika menyanyi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca dan menulis perkataan “mata”. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “b”, “a”, “t”, “u”, suku kata “ba”, “tu” dan perkataan “batu”.

Sesi 7

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata” dan “batu”.
2. Memperkenalkan perkataan “susu”.
3. Menyanyikan suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu”.
5. *Post-test* perkataan susu.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C berkelakuan baik. • Kanak-kanak C dapat mematuhi arahan yang diberikan oleh guru.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis perkataan “mata” dan “batu” dengan baik. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “s”, “u”, suku kata “su” dan perkataan “susu”. • Kanak-kanak C lebih memberikan tumpuan pada sesi ini berbanding dengan sesi-sesi yang lalu.

Sesi 8

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu” dan “susu”.
2. Memperkenalkan perkataan “muka”.
3. Menyanyikan suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka”.
5. *Post-test* perkataan “muka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. • Kanak-kanak C dapat memberikan kerjasama dengan guru tetapi kurang memberikan tumpuan sepanjang sesi. • Kanak-kanak C kurang berminat untuk menyanyi dengan suara yang kuat.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis perkataan “mata”, “batu” dan “susu” dengan tepat. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “m”, “u”, “k”, “a”, suku kata “mu”, “ka” dan perkataan “muka”. • Kanak-kanak C dapat menyanyi bersama-sama dengan pengkaji tetapi kurang memberikan tumpuan. • Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam membacakan perkataan “muka” menjadi “maku”.

Sesi 9

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka.
2. Memperkenalkan perkataan “satu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu”.
5. *Post-test* perkataan “satu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam membacaperkataan “satu” menjadi “saku”. • Kanak-kanak C dapat mengikuti sesi dengan baik, tetapi kurang memberi perhatian semasa pertengahan sesi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka” dengan tepat.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 9

	• Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "s", "a", "t", 'u", suku kata "sa", "tu" dan perkataan "satu". • Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam membacakan perkataan "satu" menjadi "saku". • Kanak-kanak C kurang memberi perhatian semasa menyanyi lagu bersama dengna pengkaji. • Kanak-kanak C membaca huruf "t" menjadi "k" dan "a" menjadi "u".

Sesi 10

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "adik".
2. Menyanyikan suku kata "dik", dan perkataan "adik" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "dik", dan perkataan "adik".
4. *Post-test* perkataan "adik".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Pada mulanya, Kanak-kanak C membaca perkataan "adik" menjadi "daki". • Kanak-kanak C mengalami kekeliruan untuk mengenali huruf "b" dan "d". • Kanak-kanak C dapat membaca "adik" pada akhir sesi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "d", "a", "i", "k", suku kata "dik", dan perkataan "adik". • Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam membaca "adik" menjadi "daki". • Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam menulis huruf "d" menjadi "b". • Cara menulis huruf "d" dan "i" adalah tidak tepat.

Sesi 11

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “adik”.
2. Memperkenalkan perkataan “betul”.
3. Menyanyikan suku kata “be”, “tul”, dan perkataan “betul” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “be”, “tul”, dan perkataan “betul”.
5. *Post-test* perkataan “betul”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C mengambil masa yang lama untuk menyanyikan suku kata “tul”. • Suara Kanak-kanak C agak lembut dan perlahan ketika menyanyi. • Kanak-kanak C boleh membaca “betul” dengan tepat pada akhir sesi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca dan menulis perkataan “adik”. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “b”, “e”, ‘t”, “u”, “l” suku kata “be”, “tul” dan perkataan “betul”. • Kanak-kanak C kurang terlibat dalam menyanyi bersama-sama dengan pengkaji.

Sesi 12

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “adik” dan “betul”.
2. Memperkenalkan perkataan “kebab.”
3. Menyanyikan suku kata “ke”, “bab”, dan perkataan “kebab” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ke”, “bab”, dan perkataan “kebab”.
5. *Post-test* perkataan “kebab”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C tidak memberikan perhatian kepada *flashcard* yang ditunjukkan oleh guru. • Suara Kanak-kanak C agak perlahan semasa menyanyi. • Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam menulis “kebab” menjadi “kabab”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “k”, “e”, “b”, “a”, suku kata “ke”, “bab” dan perkataan “kebab”. • Bagi suku kata “bab”, Kanak-kanak C melakukan kesilapan dalam membaca menjadi “babe”.

Sesi 13

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “adik”, “betul” dan “kebab”.
2. Memperkenalkan perkataan “buaya”.
3. Menyanyikan suku kata “bua”, “ya”, dan perkataan “buaya” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “bua”, “ya”, dan perkataan “buaya”.
5. *Post-test* perkataan “buaya”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C kurang memberikan tumpuan semasa mengikuti sesi dan tidak melihat kepada *flashcard* yang ditunjukkan. • Kanak-kanak C tidak menyanyi dengan suara yang kuat. • Kanak-kanak C masih menulis huruf dari posisi arah bawah ke atas.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis perkataan “adik”, “betul” dan “kebab”. • Kanak-kanka C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “b”, “u”, “a”, “y”, suku kata “bua”, “ya” dan perkataan “buaya”. • Kanak-kanak C kurang memberikan tumpuan dan kurang mengikuti nyanyian lagu untuk menyanyi.

Sesi 14

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “balik”.
2. Menyanyikan suku kata “ba”, “lik”, dan perkataan “balik” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “ba”, “lik”, dan perkataan “balik”.
4. *Post-test* perkataan “balik”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C tidak memberikan tumpuan dan tidak melihat kepada *flashcard* yang ditunjukkan oleh guru. • Suara kanak-kanak C agak perlahan ketika menyanyi. • Kanak-kanak C mengetahui bunyi huruf dan sebutan huruf.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat menyanyi, membaca serta menulis huruf “b”, “a”, “l”, “i”, “k” suku kata “ba”, “lik” dan perkataan “balik”. • Cara menulis “b” adalah tidak tepat.

Sesi 15

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”.
2. Memperkenalkan perkataan “janji”.
3. Menyanyikan suku kata “jan”, “ji”, dan perkataan “janji” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “jan”, “ji”, dan perkataan “janji”.
5. *Post-test* perkataan “janji”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C dapat mengikuti sesi dengan baik. • Tulisan Kanak-kanak C semakin kemas. • Kanak-kanak C kurang memberi perhatian kepada *flashcard* tetapi mengetahui bunyi huruf dan dapat membaca suku kata dengan tepat. • Kanak-kanak C tidak mengeluarkan suara yang kuat semasa menyanyi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Cara menulis huruf “j” adalah tidak tepat. • Kanak-kanak C dapat membaca dan menulis perkataan “janji’ pada akhir sesi.

Sesi 16

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik” dan “janji”.
2. Memperkenalkan perkataan “geram”.
3. Menyanyikan suku kata “ge”, “ram”, dan perkataan “geram” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ge”, “ram”, dan perkataan “geram”.
5. *Post-test* perkataan “geram”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C tidak memberikan tumpuan pada huruf yang diajar oleh guru. • Kanak-kanak C banyak bermain dengan objek lain seperti pensil. • Kanak-kanak C hanya mengerakkan mulut, tanpa bersuara semasa menyanyi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak C dapat membaca serta menulis perkataan “balik” dan “janji”. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “g”, “e”, “r”, “a”, “m”, suku kata “ge”, “ram” dan perkataan “geram”. • Kanak-kanak C kurang memberikan tumpuan sepanjang sesi berlangsung.

Sesi 17

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”, “janji” dan “geram”.
2. Memperkenalkan perkataan “waris”.
3. Menyanyikan suku kata “wa”, “ris”, dan perkataan “waris” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “wa”, “ris”, dan perkataan “waris”.
5. *Post-test* perkataan “waris”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C tidak melihat pada *flashcard* semasa menyanyi. • Kanak-kanak C boleh mengikut sesi dengan baik. • Tulisan Kanak-kanak C semakin kemas, tetapi terdapat huruf yang tertinggal. Contohnya, Kanak-kanak C menulis perkataan “waris” menjadi “wars”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak C dapat membaca perkataan “balik”, “janji” dan “geram”. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis suku kata “wa”, “ris”, dan perkataan “waris” dengan baik.

Sesi 18

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”, “janji”, “geram” dan “waris”.
2. Memperkenalkan perkataan “zahir”.
3. Menyanyikan suku kata “za”, “hir”, dan perkataan “zahir” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “za”, “hir”, dan perkataan “zahir”.
5. *Post-test* perkataan “zahir”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C menulis huruf “b” menjadi “d”. • Kanak-kanak C mula berminat untuk menyanyi dengan suara yang boleh didengari. • Kanak-kanak C dapat menulis dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak C dapat membaca perkataan “balik”, “janji”, “geram” dan waris. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis suku kata ““za”, “hir”, dan perkataan “zahir” dengan lagu. • Kanak-kanak C dapat mengikuti lagu dan menyanyi bersama-sama dengan pengkaji.

Sesi 19

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”, “janji”, “geram”, “waris” dan “zahir”.
2. Memperkenalkan perkataan fitnah”.
3. Menyanyikan suku kata “fit”, “nah” dan perkataan “fitnah” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “fit”, “nah” dan perkataan “fitnah”.
5. *Post-test* perkataan “fitnah”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak C dapat menulis dan membaca dengan baik. • Kanak-kanak C dapat menggabungkan suku kata tanpa diajar oleh guru. • Suara kanak-kanak C agak perlahan semasa menyanyikan lagu.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak C menulis perkataan “balik” menjadi “dalik”. • Kanak-kanak C dapat membaca, menyanyi serta menulis suku kata “fit”, “nah” dan perkataan “fitnah”. • Kanak-kanak C salah membaca “fitnah” menjadi “fitah”.

4.3.2.4 Kanak-kanak D

Sesi 2

Aktiviti :

1. Memperkenalkan huruf “a” dan “e”.
2. Menyanyikan huruf “a” dan “e” dengan lagu.
3. Menulis huruf “a” dan “e”.
4. *Post-test* huruf “a” dan “e”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Pada mulanya, Kanak-kanak D hanya mengenali huruf “e”. • Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis huruf “a” dan “e” dengan baik. • Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “a” dan “e”. • Kanak-kanak D kurang memberi memberikan tumpuan semasa menyanyi.

Sesi 3

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a" dan "e").
2. Memperkenalkan huruf "i" dan "o".
3. Menyanyikan huruf "i" dan "o" dengan lagu.
4. Menulis huruf "i" dan "o".
5. *Post-test* huruf "i" dan "o".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Pada mulanya, Kanak-kanak D membaca bunyi huruf "i" menjadi bunyi huruf Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak D memberikan kerjasama sepanjang sesi berlangsung. • Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis huruf "i" dan "o" dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D membaca huruf "i" dalam bunyi huruf Bahasa Inggeris. • Kanak-kanak D dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "i" dan "o" dengan baik. • Kanak-kanak D lebih memberikan tumpuan berbanding dengan sesi yang lalu. • Kanak-kanak D juga dapat mendengar dan mengikut arahan yang diberikan oleh guru.

Sesi 4

Aktiviti :

1. *Pre-test* (huruf "a", "e", "i" dan "o").
2. Memperkenalkan huruf "u".
3. Menyanyikan huruf "u" dengan lagu.
4. Menulis huruf "u".
5. *Post-test* huruf "u".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mendengar arahan yang diberikan oleh guru dengan baik. • Kanak-kanak D juga dapat mengingati semua bunyi huruf dan bentuk huruf. • Kanak-kanak D dapat mmeberi kerjasama sepenuhnya semasa sesi berlangsung dan bersemangat semasa menulis dan menyanyi.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis huruf "a", "e", "i" dan "o".

Sambungan hasil aktiviti Sesi 4

	• Kanak-kanak D juga dapat membaca, menyanyi dan menulis huruf "u" dengan baik.

Sesi 5

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "mata".
2. Menyanyikan suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata".
4. *Post-test* perkataan "mata".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang sesi berlangsung. • Kanak-kanak D juga dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. • Kanak-kanak D dapat menulis dengan cepat.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "m", "a", "t", suku kata "ma", "ta", dan perkataan "mata.

Sesi 6

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "mata".
2. Memperkenalkan perkataan "batu".
3. Menyanyikan suku kata "ba", "tu", dan perkataan "batu" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "ba", "tu", dan perkataan "batu".
5. *Post-test* perkataan "batu".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca dan menulis perkataan "mata". • Kanak-kanak D juga dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "b", "a", "t", "u", suku kata "ba", "tu" dan perkataan "batu". • Semasa aktiviti menyanyi, Kanak-kanak D bernyanyi bersama-sama dengan guru, tetapi posisi mata tidak melihat pada *flashcard* dan tumpuan tangan lebih kepada bermain dengan alat pemadam.

Sesi 7

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata” dan “batu”.
2. Memperkenalkan perkataan “susu”.
3. Menyanyikan suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “su”, “su”, dan perkataan “susu”.
5. *Post-test* perkataan susu.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D bersemangat dan memberi kerjasama semasa sesi berlangsung. • Kanak-kanak D dapat menulis huruf atau perkataan dengan cepat dan tepat.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis perkataan “mata” dan “batu” dengan baik. • Kanak-kanak D juga dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “s”, “u”, suku kata “su” dan perkataan “susu”.

Sesi 8

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu” dan “susu”.
2. Memperkenalkan perkataan “muka”.
3. Menyanyikan suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “mu”, “ka”, dan perkataan “muka”.
5. *Post-test* perkataan “muka”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis perkataan “mata”, “batu” dan “susu” dengan tepat. • Walaupun sudah mengenali perkataan “muka” namun Kanak-kanak D tetap memberi kerjasama dengan guru untuk menyanyi bersama-sama. • Kanak-kanak D mencuba untuk mengikut *tempo* lagu.

Sesi 9

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka.
2. Memperkenalkan perkataan “satu”.
3. Menyanyikan suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “sa”, “tu”, dan perkataan “satu”.
5. *Post-test* perkataan “satu”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D boleh mengikut sesi dengan baik. • Kanak-kanak D juga boleh mengenal gabungan bunyi huruf yang dipelajari dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Untuk *pre-test*, Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis perkataan “mata”, “batu”, “susu” dan “muka” dengan tepat. • Kanak-kanak D dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “s”, “a”, “t”, ‘u”, suku kata “sa”, “tu” dan perkataan “satu”. • Untuk sesi ini, Kanak-kanak D kelihatan kurang semangat untuk mengikut menyanyi bersama-sama guru.

Sesi 10

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan “adik”.
2. Menyanyikan suku kata “dik”, dan perkataan “adik” dengan lagu.
3. Menulis suku kata “dik”, dan perkataan “adik”.
4. *Post-test* perkataan “adik”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik. • Kanak-kanak D juga dapat membaca dan menulis perkataan “adik”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “d”, “a”, “i”, “k”, suku kata “dik”, dan perkataan “adik”. • Kanak-kanak D juga kelihatan berminat dan bersemangat untuk belajar serta menyanyi pada sesi ini. • Kanak D dapat menyanyikan lirik perkataan mengikut *tempo* lagu. • Semasa menulis, Kanak-kanak D mempunyai kekeliruan dengan huruf “d” dan “b”.

Sesi 11

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “adik”.
2. Memperkenalkan perkataan “betul”.
3. Menyanyikan suku kata “be”, “tul”, dan perkataan “betul” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “be”, “tul”, dan perkataan “betul”
5. *Post-test* perkataan “betul”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D boleh mengikut sesi dengan baik tetapi kurang memberi perhatian dengan *flashcard* semasa menyanyi. • Kanak-kanak D juga dapat menyanyi dengan bersemangat dengan suara yang jelas. • Kanak-kanak D dapat memberikan tumpuan dengan *flashcard* apabila guru memberikan arahan untuk menggabungkan suku kata “a” dan “dik”.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat membaca dan menulis perkataan “adik”. • Kanak ini juga dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “b”, “e”, ‘t”, “u”, “l” suku kata “be”, “tul” dan perkataan “betul”. • Walaupun rentak lagu agak laju, Kanak-kanak D mencuba untuk menyanyi mengikut rentak lagu dengan suara yang kuat. • Kanak-kanak D menulis perkataan “betul” menjadi “detul”.

Sesi 12

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “adik” dan “betul”.
2. Memperkenalkan perkataan “kebab.”
3. Menyanyikan suku kata “ke”, “bab”, dan perkataan “kebab” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ke”, “bab”, dan perkataan “kebab”.
5. *Post-test* perkataan “kebab”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Sebelum guru mengajar perkataan “kebab”, Kanak-kanak D sudah dapat membaca perkataan ini. • Kanak-kanak D juga dapat dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf “k”, “e”, “b”, “a”, suku kata “ke”, “bab” dan perkataan “kebab”.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 12

	• Kanak-kanak D melakukan kesilapan dalam membaca perkataan "kebab" di mana sebutan ini menjadi "kabab". • Kanak-kanak D menulis perkataan "kebab" menjadi "babab".

Sesi 13

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "adik", "betul" dan "kebab".
2. Memperkenalkan perkataan "buaya".
3. Menyanyikan suku kata "bua", "ya", dan perkataan "buaya" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "bua", "ya", dan perkataan "buaya".
5. *Post-test* perkataan "buaya".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Pada *pre-test,* Kanak-kanak D dapat membaca serta menulis perkataan "adik", "betul" dan "kebab". • Kanak-kanak D juga dapat membaca, menyanyi serta menulis huruf "b", "u", "a", "y", suku kata "bua", "ya" dan perkataan "buaya". • Kanak-kanak D menyanyi dengan mengikuti rentak lagu.

Sesi 14

Aktiviti :

1. Memperkenalkan perkataan "balik".
2. Menyanyikan suku kata "ba", "lik", dan perkataan "balik" dengan lagu.
3. Menulis suku kata "ba", "lik", dan perkataan "balik".
4. *Post-test* perkataan "balik".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat menyanyi, membaca serta menulis huruf "b", "a", "l", "i", "k" suku kata "ba", "lik" dan perkataan "balik". • Tulisan Kanak-kanak D adalah kurang kemas.

Sesi 15

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”.
2. Memperkenalkan perkataan “janji”.
3. Menyanyikan suku kata “jan”, “ji”, dan perkataan “janji” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “jan”, “ji”, dan perkataan “janji”.
5. *Post-test* perkataan “janji”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat menulis perkataan “janji” tetapi kurang kemas. • Ketika menulis, Kanak-kanak D menulis perkataan “janji” menjadi “janjo” atau “janja”.

Sesi 16

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik” dan “janji”.
2. Memperkenalkan perkataan “geram”.
3. Menyanyikan suku kata “ge”, “ram”, dan perkataan “geram” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “ge”, “ram”, dan perkataan “geram”.
5. *Post-test* perkataan “geram”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D dapat menyanyi dengan suara yang jelas. • Kanak-kanak D melakukan kesilapan dalam menulis huruf “a” menjadi “u”.

Sesi 17

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan “balik”, “janji” dan “geram”.
2. Memperkenalkan perkataan “waris”.
3. Menyanyikan suku kata “wa”, “ris”, dan perkataan “waris” dengan lagu.
4. Menulis suku kata “wa”, “ris”, dan perkataan “waris”.
5. *Post-test* perkataan “waris”.

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.

Sambungan hasil aktiviti Sesi 17

Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D melakukan kesilapan dalam membaca perkataan "waris" menjadi "wari". • Cara menulis perkataan "waris" adalah tepat, tetapi penulisan agak kurang kemas.

Sesi 18

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "balik", "janji", "geram" dan "waris".
2. Memperkenalkan perkataan "zahir".
3. Menyanyikan suku kata "za", "hir", dan perkataan "zahir" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "za", "hir", dan perkataan "zahir".
5. *Post-test* perkataan "zahir".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D melakukan kesilapan dalam membaca perkataan "geram" di mana sebutan ini menjadi "baram" atau "garam".

Sesi 19

Aktiviti :

1. *Pre-test* untuk perkataan "balik", "janji", "geram", "waris" dan "zahir".
2. Memperkenalkan perkataan fitnah".
3. Menyanyikan suku kata "fit", "nah" dan perkataan "fitnah" dengan lagu.
4. Menulis suku kata "fit", "nah" dan perkataan "fitnah".
5. *Post-test* perkataan "fitnah".

Hasil aktiviti	
Catatan daripada guru	• Kanak-kanak D dapat mengikut sesi dengan baik.
Catatan daripada hasil pemerhatian pengkaji	• Kanak-kanak D melakukan kesilapan dalam membaca perkataan "geram" di mana sebutan ini menjadi "teram". • Kanak-kanak D juga melakukan kesilapan dalam membaca perkataan "fitnah" menjadi "fetnah". • Cara menulis huruf "f" adalah tidak tepat.

4.4 Perbincangan

Rawatan nyanyian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis keempat kanak-kanak berdisleksia ini. Peningkatan Kanak-kanak A, B, C, dan, D dalam kemahiran membaca dan menulis dapat ditinjau melalui hasil catatan daripada guru, hasil catatan pemerhatian pengkaji melalui penglibatan, hasil *post-test* dari sesi 2 sehingga 19 dan hasil *post-test* untuk keseluruhan. Namun begitu, Guru X, Y, dan Z berpendapat bahawa keempat kanak-kanak berdisleksia ini tidak mempunyai peningkatan yang banyak dalam membaca dan menulis huruf atau perkataan.

Berdasarkan jumlah markah purata membaca untuk Kanak-kanak A dan B, markah *pre-test* dan *post-test* adalah tidak konsisten. Sepanjang sesi berlangsung, kedua kanak-kanak ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu mereka mudah lupa dengan huruf dan perkataan yang sudah dipelajari. Salah satu faktor yang menyebabkan kanak-kanak tersebut mudah lupa dengan huruf atau perkataan yang sudah dipelajari adalah mereka kurang memberi fokus semasa sesi rawatan dijalankan. Brazier (2020) menjelaskan bahawa individu berdisleksia sukar menumpukan perhatian. Apabila mereka sukar untuk menumpukan perhatian, mereka akan menghadapi masalah dalam membaca atau menulis. Hal ini akan menyebabkan mereka mengalami keletihan dari segi mental. Dalam konteks ini, lagu *Twinkle Twinkle Little Star, London Bridge is Falling Down,* dan Bapaku Pulang dari Kota dipilih kerana ketiga-tiga lagu ini mempunyai melodi *(melody)* serta irama (*rhythm)* yang senang dinyanyikan (Sila rujuk kepada Gambar Rajah 3.1, 3.2, dan 3.3). Melodi dan irama dalam sebuah lagu bertindak sebagai sebuah kerangka bersama-sama dengan teks, di mana kerangka ini memudahkan seseorang untuk mengingati teks tersebut (Yoon, 2017).

Faktor seterusnya adalah mereka mempunyai *working memory* yang lemah. *Working memory* berlaku pada bahagian *prefrontal cortex*. Bahagian ini berfungsi untuk beberapa saat sahaja. Jenis memori ini digunakan untuk menyimpan maklumat dalam otak ketika kita terlibat dalam proses pemahaman terhadap sesuatu subjek atau bahan. Sebelum membunyikan huruf, suku kata atau perkataan, pengkaji telah mengajar kanak-kanak tersebut menyanyi tanpa lagu dahulu. Selepas mereka dapat menyanyi huruf, suku kata, atau perkataan mengikut sajak lagu, mereka baharu menyanyi bersama-sama dengan lagu sebanyak dua kali. Lagu *Twinkle, Twinkle Little Star* adalah dalam 'ABA' *form* (Sila rujuk kepada Gambar Rajah 3.6). Oleh itu, lagu ini telah dinyanyikan sebanyak tiga kali kerana tiada pengulangan dalam lagu ini. Untuk lagu *London Bridge is Falling Down* dan Bapaku Pulang dari Kota (Sila rujuk kepada Gambar Rajah 3.7 dan 3.8), pengkaji telah menggubah dua lagu ini menjadi *binary form*, di mana lagu ini berulang sebanyak dua kali. Apabila kanak-kanak berdisleksia menyanyikan lagu ini sebanyak dua kali, maka secara tidak langsung mereka telah menyanyikan huruf, suku kata atau perkataan sebanyak empat kali. Seperti yang dicadangkan oleh Douville (2001), beliau berpendapat bahawa lagu yang mempunyai ciri-ciri *repetitive* berpotensi untuk memperkembangkan bahasa dan juga dapat membantu dalam pembacaan yang lebih fasih.

Prestasi markah membaca *pre-test* untuk Kanak-kanak A dan B adalah kurang konsisten. Walau bagaimanapun, mereka dapat 100 markah untuk sesi yang tertentu. Kanak-kanak A dapat 100 markah untuk *pre-test* membaca pada sesi 6 dan 8. Manakala Kanak-kanak B pula pada sesi 6, 7 dan 11. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan nyanyian dapat membantu kanak-kanak tersebut dalam mengingati sebuah huruf atau perkataan. Penggunaan muzik dan nyanyian berkait rapat dengan *working memory* (Gillis, 2014). Huruf

atau perkataan yang sudah dipelajari disimpan di *STM.* Namun begitu, huruf dan perkataan ini mudah hilang sekiranya tidak diulangi (Berz, 1995 dipetik dalam Gillis, 2014).

Selain itu, kelemahan dalam *working memory* mungkin disebabkan oleh maklumat yang diterima tidak disimpan dalam *hippocampus*. *Hippocampus* berfungsi untuk menyimpan memori dalam jangka masa panjang. Kelemahan dalam *working memory* juga mungkin disebabkan oleh kelemahan dalam *synaptic plasticity* (Manohar et al., 2019). *Synaptic plasticity* merupakan sebuah cabang yang mengawal komunikasi antara dua neuron. Kekuatan atau kelemahan *synaptic plasticity* ini bergantung kepada kekerapan penggunaan *synapses* antara sel-sel otak. Justeru itu, kurang menumpukan perhatian semasa rawatan berlangsung dan kelemahan *working memory* menunjukkan peningkatan kemahiran yang kurang ketara dalam membaca untuk Kanak-kanak A dan B.

Untuk Kanak-kanak C dan D pula, mereka mempunyai markah purata yang statik untuk bahagian membaca. Markah purata yang statik ini membuktikan bahawa mereka mempunyai *working memory* yang baik. Mereka bukan sahaja dapat mengenali bunyi huruf dengan betul, malah mereka juga dapat menggabungkan suku kata menjadi sebuah perkataan. Namun begitu, Kanak-kanak C dan D tidak dapat mengeja huruf dengan cepat. Sehubungan dengan itu, penggunaan muzik dan menyanyi dapat membantu dalam masalah mengeja yang dihadapi oleh Kanak-kanak C dan D. Dalam konteks ini, pengkaji telah menggunakan kelajuan (*tempo*) lagu untuk mengatasi masalah mengeja. Pada awalnya, mereka menyanyikan perkataan tanpa lagu dengan *tempo* yang lambat. Setelah mereka dapat menyanyikan perkataan dengan lancar, mereka telah menyanyi bersama-sama dengan lagu. Walaupun kadang-kadang mereka menyanyi *off-tempo* dengan lagu, tetapi pengkaji memperhatikan mereka mencuba untuk mengikut kelajuan lagu. Cara ini boleh dikaitkan

dengan penyelidikan yang telah dikaji oleh *Georgetown University Medical Center* (2007), di mana pemprosesan muzik dan bahasa bergantung pada beberapa sistem otak yang sama. Dalam sebuah lagu, melodi berfungsi sebagai kiu untuk membolehkan perkataan diimbas dengan lebih mudah (Ginsborg & Sloboda, 2007 dipetik dalam Busse et al., 2020). Oleh itu, melodi dan *tempo* bakal membantu Kanak-kanak C dan D dalam mengatasi masalah mengeja.

Markah purata menulis untuk Kanak-kanak A dan B menunjukkan tidak konsisten, manakala Kanak-kanak C dan D adalah kurang statik sepanjang sesi berlangsung. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini dapat menulis huruf dan perkataan. Namun begitu, terdapat di antara mereka yang menulis huruf dalam posisi yang terbalik, menulis huruf dengan cara yang tidak tepat atau menulis perkataan yang tidak kemas. Dalam selang beberapa waktu, mereka dapat menulis huruf dengan tepat, namun begitu, mereka juga cenderung untuk menulis huruf yang tidak tepat walaupun guru sudah memberi tunjuk ajar cara menulis sebuah huruf yang betul. Dalam konteks ini, mereka dapat mengingati cara menulis huruf yang betul ketika sesi pembelajaran dan maklumat ini diproses dalam *working memory*. Namun begitu, maklumat yang diterima tidak disimpan dalam *basal ganglia* dan *cerebellum* seteleh sesi berakhit. *Basal ganglia* dan *cerebellum* amat penting dalam koordinasi aktiviti motor dan mengawal motor halus seseorang. Jika maklumat tersebut tidak disimpan dalam *basal ganglia* dan *cerebellum,* maka kanak-kanak berdisleksia ini tidak dapat menulis huruf dengan tepat.

Sepanjang sesi dilaksanakan, keempat kanak-kanak berdisleksia menunjukkan ciri-ciri seperti berikut:

i. Lupa sebutan bunyi huruf

ii. Mengalami masalah dalam membezakan bunyi huruf untuk Bhasa melayu dan Bahasa Inggeris.
iii. Tersilap membaca atau menulis perkataan
iv. Tidak dapat menggabungkan dua huruf menjadi suku kata, atau dua suku kata menjadi perkataan.
v. Menulis huruf terbalik atau tidak tepat

Walaubagaimana pun, mereka dapat memberi kerjasama yang baik dan mendengar arahan yang diberikan oleh guru. Ciri-ciri yang dikemukakan tidak dapat mewakili kesemua kanak-kanak berdisleksia kerana kajian ini hanya melibatkan 4 orang kanak-kanak berdisleksia.

4.5 Kesimpulan

Objektif penyelidikan ini adalah untuk menguji keberkesanan rawatan nyanyian terhadap Kanak-kanak A, B, C, dan D. Hasil analisis daripada *t-test* menunjukkan bahawa rawatan ini berkesan terhadap kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik iaitu Kanak-kanak A dan B. Nilai t untuk kumpulan ini adalah 1.40, di mana nilai ini berada di bawah nilai t dari had kepentingan iaitu 2.78. Rawatan nyanyian ini kurang berkesan terhadap kumpulan yang mempunyai asas fonik iaitu Kanak-kanak C dan D. Nilai t mereka adalah melebihi nilai t dari had kepentingan, iaitu 2.78.

Kajian ini menunjukkan bahawa menyanyikan sebuah huruf atau perkataan secara berulangan dapat membantu kanak-kanak berdisleksia dalam mengingati huruf atau perkataan. Dengan adanya bantuan *flashcard* semasa menyanyi, kanak-kanak berdisleksia mampu melihat huruf secara visual dan seterusnya mengingati sebuah bentuk huruf. Selain itu, melodi, irama, *form*, dan kelajuan lagu merupakan empat aspek muzik yang memainkan peranan dalam menjalankan rawatan nyanyian ini. Melodi, irama, dan *form* memainkan

peranan dalam membantu kanak-kanak berdisleksia mengingati sebuah huruf atau perkataan. Kelajuan lagu pula memainkan peranan dalam mengatasi masalah mengeja. *Flashcard* juga memainkan peranan dalam kajian untuk membolehkan kanak-kanak berdisleksia mengenali bentuk huruf. Selepas mengenali bentuk huruf, guru telah mengajar cara menulis sebuah huruf dengan betul. Dengan kaedah ini, kanak-kanak berdisleksia dapat lebih memahami dan mengingati cara menulis sebuah huruf yang betul.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Ringkasan

Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang berbentuk rawatan. Penyelidikan ini dilakukan di *Learning and Resources Centre of Dyslexia Association of Sarawak*. Tujuan kajian ini adalah untuk menguji keberkesanan rawatan menyanyi dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis bagi kanak-kanak berdisleksia. Seseorang individu berdisleksia bukan sahaja mengalami masalah dalam mengenal pasti perkataan dengan cepat dan tepat, tetapi mereka juga menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan mengenali bunyi huruf yang betul (Lu & Woodruff, 2018).

Empat orang kanak-kanak berdisleksia telah dipilih untuk menerima rawatan ini. Mereka dinamakan sebagai Kanak-kanak A, B, C, dan D. Kanak-kanak A, B, C, dan D telah dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik iaitu Kanak-kanak A dan B dan kumpulan yang mempunyai asas fonik iaitu Kanak-kanak C dan D.

Pre-experimental design telah diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Pengkaji telah menggunakan *One-group pretest-posttest design* untuk mengumpul data. *Pre-test* dijalankan pada sesi 1. Sesi 2 hingga 19 adalah tempoh untuk kanak-kanak berdisleksia menerima rawatan nyanyian. *Post-test* keseluruhan telah dijalankan pada sesi 20. Rawatan nyanyian ini dijalankan sebanyak 20 sesi. Dua sesi seminggu. Setiap sesi berlangsung selama 30 minit.

Kaedah gabungan telah diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengumpul data. Dalam kaedah kualitatif, kaedah pemerhatian dan temu bual telah dijalankan. Dalam kaedah kuantitatif, borang soal selidik telah dilakukan untuk pengumpulan data. *T-test* telah diaplikasikan untuk menganalisis borang soal selidik.

Hasil analisis menunjukkan rawatan nyanyian berkesan terhadap kumpulan yang tidak mempunyai asas fonik, iaitu Kanak-kanak A dan B. Rawatan nyanyian ini kurang berkesan terhadap kumpulan yang mempunyai asas fonik, iaitu Kanak-kanak C dan D.

5.2 Cabaran dan Manfaat Kajian

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya adalah sesi rawatan tidak dapat dijalankan secara berterusan. Sepanjang sesi berlangsung, terdapat satu masalah yang tidak dapat dielakkan oleh keempat kanak-kanak berdisleksia dan pengkaji, iaitu jatuh sakit. Sekiranya pengkaji atau salah seorang kanak-kanak berdisleksia jatuh sakit, maka sesi rawatan akan ditangguhkan.

Cabaran seterusnya adalah kekurangan masa untuk sesi rawatan. Pengkaji menyesuaikan masa sesi rawatan dengan masa yang ditetapkan oleh pihak guru. Dalam konteks ini, masa untuk menjalankan sesi rawatan di pusat pembelajaran adalah 30 minit. Dalam 30 minit ini, keempat kanak-kanak berdisleksia perlu masa yang lebih banyak dalam mengenali huruf, membaca, menyanyi, dan menulis perkataan supaya mereka dapat mengingati huruf dan perkataan yang sudah dipelajari.

Selain itu, Kanak-kanak A, B, C, dan D sering mengalami kekeliruan dengan sesi rawatan dan kelas tuisyen mereka. Keempat kanak-kanak berdisleksia ini bukan sahaja melibatkan diri dalam sesi rawatan, mereka juga menghadiri ke kelas tuisyen mereka di pusat

pembelajaran pada masa yang sama. Hal ini menyebabkan mereka keliru dengan waktu sesi rawatan, dan waktu untuk kelas tuisyen. Walaupun bahan huruf dan perkataan yang digunakan dalam sesi rawatan adalah sama dengan kelas tuisyen, tetapi cara pembelajaran adalah tidak sama. Guru X, Y, Z, dan ketua penilai berpendapat bahawa untuk meninjau hasil kanak-kanak, mereka hanya boleh melibatkan diri dalam salah satu pembelajaran sahaja. Hal ini supaya mereka tidak akan berasa keliru dengan sesi rawatan dengan kelas tuisyen.

Berdasarkan pendapat dari Guru X, Y, dan Z, rawatan menyanyi dapat meningkatkan keyakinan kanak-kanak berdisleksia. Menurut pemerhatian pengkaji, keempat kanak-kanak berdisleksia ini menikmati semasa menyanyikan lagu bersama-sama dengan muzik. Walaupun kadang-kadang mereka kurang memberikan perhatian semasa menyanyi, tetapi mereka menunjukkan tindakan yang positif. Antara tindakan positif yang ditunjukkan adalah mereka tersenyum apabila mendengar lagu dimainkan, mencuba untuk menyanyi bersama-sama dengan lagu, dan membuat pergerakan atau ritma sendiri semasa menyanyi bersama-sama dengan lagu.

Seterusnya, rawatan nyanyian ini juga membolehkan kanak-kanak berdisleksia menggabungkan huruf menjadi perkataan. Sebagai contohnya, semasa *pre-test* dijalankan, Kanak-kanak A dapat menyebut huruf "b" dan "a", tetapi tidak dapat sambungkan dua huruf ini menjadi suku kata "ba". Pengkaji telah menyuruh kanak-kanak tersebut menyanyi lagu dengan huruf "b", "a", dan suku kata "ba". Selapas menyanyi, kanak-kanak tersebut dapat menyambung dua huruf ini menjadi suku kata.

5.3 Rumusan

Kesimpulannya, objektif kajian pertama iaitu menguji keberkesanan rawatan menyanyi terhadap kanak-kanak berdisleksia adalah tidak tercapai. Rawatan menyanyi hanya berkesan terhadapat Kanak-kanak A dan B sahaja. Kanak-kanak C dan D pula kurang berkesan kerana mereka mempunyai asas fonik. Objektif seterusnya adalah meningkatkan kemahiran membaca dan menulis melalui rawatan menyanyi terhadap kanak-kanak berdisleksia adalah tercapai. Oleh itu, hipotesis kajian ini adalah diterima. Kanak-kanak A, B, C, dan D dipengaruhi oleh rawatan nyanyian dengan taraf *significant* 95%.

Kajian ini tidak dapat mewakili kesemua kanak-kanak berdisleksia kerana kajian ini hanya melibatkan empat orang kanak-kanak berdisleksia sahaja.

5.4 Saranan

Berikut merupakan beberapa cadangan untuk memperbaiki kajian ini. Antaranya adalah:

1. Masa sesi rawatan. Masa sesi rawatan harus dipertingkatkan menjadi 1 jam. 20 minit untuk *pre-test* dan *post-test*, 40 minit untuk mengenali huruf, menyanyi, membaca, dan menulis perkataan. Kanak-kanak berdisleksia yang bakal menerima rawatan akan mempelajari satu perkataan sahaja untuk satu sesi. Hal ini supaya mereka dapat mengingati bunyi huruf dengan betul, mengenali bentuk huruf, dan menulis bentuk huruf dengan tepat.
2. Sesi rawatan harus dilakukan setiap hari. Rawatan yang diaturkan oleh pengkaji adalah dua kali seminggu. Jika sesi rawatan dilakukan setiap hari, maka hasil rawatan menyanyi akan lebih berkesan.

3. Keadaan kanak-kanak berdisleksia sebelum menerima rawatan. Rawatan menyanyi yang sudah dilakukan ini sesuai untuk kanak-kanak yang tidak mempunyai asas fonik. Untuk kanak-kanak berdisleksia yang mempunyai asas fonik pula, pengkaji menyarankan bahawa bahan pembelajaran ditukar menjadi ayat. Mereka akan memulakan sesi rawatan dengan belajar ayat yang pendek dan mudah.
4. Kanak-kanak berdisleksia yang bakal menerima rawatan hanya akan menghadiri rawatan sahaja. Hal ini supaya hasil rawatan dapat ditinjau lebih efektif dan seterusnya dapat membuat bandingan antara kanak-kanak berdisleksia yang menerima rawatan, dan yang tidak menerima rawatan.

RUJUKAN

Abdul Rashid Jamian (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1*(1), 1-12.

Adubasim, I. (2018). Improving working memory and processing speed of students with dyslexia in Nigeria. *Journal of Education Entrepreneurship, 5*(2), 103-123.

Agnes Tugong. (2019). *Tangani disleksia seawall mungkin elak masalah sosial lain – Dr Ong.* Utusan Borneo Online. https://www.utusanborneo.com.my/2019/12/20tangani-disleksi-seawal-mungkin-elak-masalah-sosial-lain-dr-ong

Ahtisaari, M., & Karanam, K. (2015, Julai 21). *Music and emotion.* Sync project. http://synproject.co/blog//2015/7/21/music-and-emotion

Alloway, T. P. (2006). How does working memory work in the classroom? *Education Research and Review, 1*(4), 134-139.

Almalki, S. (2016). Integrating quantitative and qualitative data in miced methods research – Challenges and benefits. *Journal of Education and Learning, 5*(3), 288-294. http://doi.org/10.5539/jel.v5n3p288

Ambrose, P. P., & Loh, S. C. (2011). Effect of the Clay Modeling Program on the reading behavior of the children with dyslexia: A Malaysia case study. *The Asia-Pacific Education Researcher, 20*(3), 456-468.

American Music Therapy Association. (n.d.). *Music therapy with specific population: Fact sheets, resources & bibliographies.* http://www.musictherapy.org/research/factsheets/

American Psychological Association. (n.d.). *Emotional charge.* http://dictionary.apa.org/emotional-charge

Atkinson, R. C., & Shiffrin, R. M. (1968). Human memory: A proposed system and its control processes. In Spence, K. W., & Spence, J. T. *The psychology of learning and motivation:* II. Academic Press.

Balci, E., & Cayir, A. (2017). Reading performance profile of children with dyslexia in primary and secondary school students. *Journal of Education and Learning, 7*(1), 80-87. https://doi.org/10.5539/jel.v7n1p80

Barker, J. (n.d.). *Singing and music as aids to language development and its relevance for children with Down Syndrome.* Down Syndrome Education International. http://library.down-syndrome.org/en-us/news-update/01/3/singing-music-aids-language-development-relevance-down-syndrome/

Barr, M. L., & Kiernan, J. A. (1993). *The human nervous system: An anatomical viewpoint* (8th ed.). Lippincott.

Bayard, T. (2020, April 21). *Learning disabilities: Dyslexia, dyscalculia, dysgraphia, dyspraxia, ADHD.* Supporters of Literacy in Deschutes County. https://literacyindeschutes.org/learning-disabilities-dyscalculia-dysgraphia-dyspraxia-adhd/

Beaton, A. (2004). *Dyslexia, reading and the brain: A sourcebook of psychological and biological research* (1st ed.). Psychology Press.

Beentjes, D., & Reumers, R. (2019, September 27). *Emotion in music, giving you the chills.* Abbey Road Institute Amsterdam. http://abbeyroadinstitute.nl/blog/emotion-in-music-giving-you-the-chills/

Beh, S. C., Frohman, T. C., & Frohman, E. M. (2017). Cerebellar control of eye movements. *Journal of Neuro-Ophthalmology, 37*(1), 87-98. https:/doi.org/10.1097/wno.0000000000000456

Bhasin, T. (2020). *Perceptual organization – Definition, meaning and principles.* Marketing 91. http://www.marketing91.com/perceptual-organization/

Buchanan, T. W. (2007). Retrieval of emotional memories. *Psychological bulletin, 133*(5), 761-779. http://doi.org/10.1037/0033-2909.133.5.761

Brazier, Y. (Februari 25, 2020). *What to know about dyslexia.* Medical News Today. http://www.medicalnewstoday.com/articles/186787

Busse, V., Henniesm, C., Kreutz, G., & Roden, I. (2020). Learning grammar through singing? An intervention with EFL primary school learners. *Learning and Instruction, 71*. https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2020.101372

Campbell, D. T., & Stanley, J. (1963). *Experimental and quasi-experimental design for research* (1st ed.). Cengage Learning.

Cheour, M. (2018). *Brain motor skill.* Hello Motherhood. https://www.hellomotherhood.com/67808-large-muscle-development-infants.html

Cherry, K. (2021, Mei 14). *What is art therapy?* Very Well Mind. https://www.verywellmind.com/what-is-art-therapy-2795755

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative & mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publication Inc.

Davis, W., & Hadley, S. (2015). A history of music therapy. In Wheeler, B. (ED), *Music therapy handbook* 9Reprint ed., pp. 17-28). The Guilford Press.

Djohan, S. (2006). Terapi musik, teori dan aplikasi. Galangpress.

Douville, P. (2001). Tips for teaching: Using songs and chants as a source of predictable text. *Preventing School Failure, 45*(4), 197-188.

Dystech. (n.d.). *Dyslexia and reaction time: Why reading reaction time is important?* https://dystech.com.au/education/dyselxia-and-reaction-time-why-reading-reaction-time-is-important/

Education Destination Malaysia. (n.d.). *Everything you need to know about special education needs (SEN).* https://educationdestinationmalaysia.com/essential-guide/malaysia/special-education-needs

Eren, B. (2017). Music and dyslexia: The therapeutic use of instrument (piano) training with a child with dyslexia (A case study). *Journal of Education and Practice, 8*(23), 97-108.

Everatt, J. (2008). *Membaca dan disleksia: Proceses penglihatan dan perhatian.* Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Exner, C. E. (1990). The zone of proximal development in-hand manipulation skills of nondysfunctional 3- and 4- year-old children. *American Journal of Occupation Therapy, 44*(10), 884-891. https://doi.org/10.5014/ajot.44.10.884

Ford, D. J. (2011, Julai). *How the brain learns.* Training Industry. https://trainingindustry.com/articles/content-development/how-the-brain-learns/

Frith, U. (1985). A developmental framework for developmental dyslexia. *Annals of Dyslexia, 3*(1), 67-81. https://doi.org/10.1007/bf02648022

Georgetown University Medical Center. (2007, September 28). *Music and language are processed by the same brain system.* Science Daily. www.sciencedaily.com/release/2007/09/070927121101.html

Gilis, K. L. (2014). *Working Memory and Music Perception and Production in an Adult Sample* [Undergraduate Theses, Huron University College]. Western Libraries. https:/ir.lib.uwo.ca/psych_uht/7

Goldstein, E. B. (2011). *Cognitive psychology: Connecting mind, research, and everyday experience* (3rd ed.). Cengage Learning.

Gomes, T. (2017, Februari 24). *How music helps children with learning disabilities?* Linkedin. https://www.linkedin.com/pulse/how-music-helps-children-learning-disabilities-tanuja-gomes

Grant, D. (2005). *That's the way I think: Dyslexia, dyspraxia, ADHD and dyscalculia explained* (1st ed.). Routledge.

Greutman, H. (2020, Februari). *Which fine motor skill are important for handwriting?* Growing Hans-On Kids. https://www.growinghandsonkids.com/which-fine-motor-skills-important-for-handwriting.html

Hebert, M., Kearns, D. M., Hayes, J. B., Bazis P., & Cooper, S. (2018). Why children witih dyslexia struggle with writing and how to help them. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools*, *49*(4), 843-863. https://doi.org/10.1044/2018_lshss-dyslc-18-0024

Heikkila, E., & Knight, A. (2012). Inclusive music teaching strategies for elementary-age children with developmental dyslexia. *Music Educators Journal*, *99*(1), 54-59. https://doi.org/10.1177/0027432112452597

Howland, K. M. (2015). Music therapy for children with speech and language disorder. In Wheeler, B. (Ed), *Music therapy handbook* (Reprinted ed., pp. 302-313). The Guilford Press.

Hurt-Thaut, C. P., & Johnson, S. B. (2015). Neurologic music therapy. In Wheeler, B. (Ed), *Music therapy handbook* (Reprinted ed., pp. 220-232). The Guilford Press.

Hussain, Y., & Zainal Ariffin Ab. Ghani. (2013). *Asas terapi muzik: Panduan dan maklumat menguruskan sesi terapi.* Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd.

International Pengajian Melayu. (n.d.). *What are the expressive arts?* https://www/ieata.org/who-we-are

Jabatan Pengajian Melayu (n.d.). *Pengajaran kemahiran BM (BM3104).* http://roslighani.blogspot.com/2012/07/pengajaran-kemahiran-bm-bmm3104.html

Jasmi, K. A. (2012, Mac 28-29). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif kursus.* Penyelidikan Kualitatif Siri 1. Johor Bahru, Malaysia.

Karkou, V. (2017, August 16). *Explainer: What is dance movement psychotherapy?* The Conversation. https://theconversation.com/explainer-what-is-dance-movement-psychotherapy-79860

